



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
EN. ROSIDI SEMAIL  
PELUKIS KARTUN**

**OLEH :**

**NURSHAHIRAH BINTI MOHD NOR 2020495328  
NUR AWATIF BINTI KAMARUDIN 2020898536**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (OKT 2022 – FEB 2023)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
EN. ROSIDI ISMAIL  
PELUKIS KARTUN

OLEH :

NURSHAHIRAH BINTI MOHD NOR 2020495328  
NUR AWATIF BINTI KAMARUDIN 2020898536

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (OKT 2022 – FEB 2023)

# PENGHARGAAN

## **PENGHARGAAN**

Kami ingin mengucapkan sekalung penghargaan kepada pensyarah kami, Puan Nurul Anissa Binti Ibrahim kerana telah mengajar kami sepanjang pengajian kami di semester 5 ini sesi Oktober 2022-Februari 2023. Kami tidak akan dapat menyempurnakan tugas ini dengan baik tanpa pertolongan dari beliau. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan dan keluarga kami yang berpenat lelah bersama dalam membantu kami sepanjang perjalanan ini bagi melengkapkan temubual bersama tokoh. Kami, Shahirah dan Awatif merasa bangga kerana dapat menyiapkan tugas ini bersama-sama dengan tekun dan saksama. Akhir kata, kami juga ingin memanjatkan kata syukur ke hadrat Ilahi kerana, tanpa redha dariNya, tugas ini tidak dapat disempurnakan dengan baik.

# **ABSTRAK**

## **ABSTRAK**

**Abstrak :** Temubual ini dijalankan bersama pelukis kartun antarabangsa iaitu Rosidi Semail untuk mengetahui perkhidmatan beliau dalam kerjayanya sebagai seorang pelukis tersohor. Temubual ini telah dijalankan di Balai Kartun Rossem, Kg.Peringat, Kota Bharu, Kelantan. Tarikh temubual tersebut adalah pada 7 Januari 2023 bersamaan dengan hari Sabtu bermula jam 3.30 petang hingga 5.30 petang. En. Rosidi Semail ini merupakan bekas polis berperingkat sarjan sewaktu di Kelantan dan kemudiannya menjadi seorang pelukis yang memberi sumbangan kepada negara dalam bidang penerbitan. Tugas Rosidi Semail tidak terhad kepada pelukis, namun juga menjadi pengadil dalam pertandingan melukis antarabangsa. Pelbagai ujian dan cabaran yang dihadapi sebelum menjadi seorang pelukis yang mahir.

**Kata Kunci :** Pelukis kartun, Balai Kartun Rossem, Bekas Polis, Bidang Penerbitan, Antarabangsa.

# **ISI KANDUNGAN**


# ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	3
Abstrak.....	5
Isi Kandungan.....	8
Biodata Tokoh.....	9
Pengenalan.....	11
Transkrip	
Bahagian 1 : Latar Belakang Tokoh.....	14
Bahagian 2 : Pendidikan.....	18
Bahagian 3 : Pekerjaan awal.....	22
Bahagian 4 : Pekerjaan Kartun.....	25
Bahagian 5 : Lukisan Kartun.....	43
Bahagian 6 : Anugerah dan Cabaran.....	50
Bahagian 7 : Harapan.....	61
Rujukan.....	69
Lampiran	
Log Wawancara.....	70
Diari Kajian.....	80
Senarai Soalan.....	82
Surat Perjanjian.....	88
Surat Pengesahan dari UiTM.....	89
Gambar.....	90
Indeks.....	92



# **BIODATA TOKOH**

## BIODATA TOKOH



**Nama** : Rosidi Semail  
**Umur** : 74 tahun  
**Tempat Lahir** : Kota Bharu, Kelantan.  
**Tarikh Lahir** :  
**Bilangan Adik-beradik** : 5  
**Anak Keberapa** : 5  
**Pendidikan** : Tingkatan V

# **PENGENALAN**

## PENGENALAN

Seni adalah satu perkataan yang unik dan menurut ensiklopedia Malaysia, “seni merupakan sesuatu yang indah pada pandangan pancaindera manusia sama ada melalui penglihatan atau pun pendengaran” dan manakala menurut Ibnu Khaldun pula, “seni itu adalah kebenaran, keindahan, dan kebaikan di mana dalamnya terkandung ciri-ciri estetika dan logika”. Berdasarkan dua definisi tersebut, dapat kita ketahui secara kasar bahwasanya seni itu merupakan satu khazanah, warisan dan keunikan hasil daripada aktiviti manusia melalui budaya atau sosial yang mana dapat kita simpulkan bahawa seni itu telah diterapkan sebagai cara hidup, kekreatifan minda, kemajuan cara berfikir dan sebagainya.

Menurut Muhd. Yusof Ibrahim (2009), sejarah lisan merupakan sumber yang didapati daripada percakapan, pertuturan dan pengkhabaran mengenai seseorang terhadap peristiwa yang berlaku dan merupakan salah satu sumber sejarah yang penting. Tokoh yang terpilih biasanya daripada kalangan orang yang berjasa dan yang menyumbang maklumat mengenai penglibatan dan pengalaman mereka atas sesuatu peristiwa dalam satu wawancara. Segala maklumat yang diperolehi akan ditulis semula, disemak dan ditaip supaya bokeh dijadikan sebagai bagan dalam pembelajaran atau penyelidikan.

Memelihara dan menjaga warisan amat penting untuk dijadikan pedoman, tunjuk ajar dan sebagainya dalam menubuhkan generasi yang berikutnya.

# TRANSKRIP

## Temubual

### Pengenalan (pembukaan ayat)

Assalamualaikum Warahmatullah Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai **latar belakang** dan **pengalaman hidup** seorang tokoh dalam bidang kartunis. Bersama-sama kami di ketika ini ialah **Rosidi Semail** yang merupakan seorang kartunis berjaya yang tidak asing lagi namanya di negeri **Kelantan**. Rakaman ini dijalankan pada tarikh **7 Januari 2023** bersamaan dengan hari **Sabtu** pada pukul 3 petang yang dijalankan di **Kg.Peringat, Kota Bharu, Kelantan** oleh **Nurshahirah Mohd Nor** dan **Nur Awatif binti Kamarudin**. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

Petunjuk :

- 1) RS : Rosidi Semail
- 2) SH : Nurshahirah Mohd Nor
- 3) AW : Nur Awatif Kamarudin

### BAHAGIAN 1- LATAR BELAKANG

SH : Assalamualaikum Warahmatullahi wabarokatuh dan salam sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh bidang kartunis. Bersama-sama kami ini ialah Rosidi Semail yang merupakan seorang kartunis yang Berjaya yang tidak asing lagi namanya di negeri Kelantan. Rakaman ini dijalankan 7 Januari 2023 bersamaan dengan hari sabtu pada pukul 3.30 petang yang dijalankan di Kampung Peringat, Kota Bharu Kelantan oleh saya sendiri iaitu Nurshahirah bt Mohd Nor dan Nur Awatif bt Kamarudin dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan. Baiklah. Apakah nama penuh encik?

RS : Wa'alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Temubual ini berada dijalankan di balai kartun Rossem di Jalan Bachok, Kota Bharu, Kelantan. Nak perbetul lah sikit yang tadi kata secara umum sangat di Peringat tu *dok* [kan] tapi ini di balai kartun rossem. Balai kartun rossem ini boleh disebutkan juga sebagai Galeri Kartun Rossem. Galeri ni galeri kartun pertama di Malaysia yang diwujudkan pada tahun dua kosong empat belas [2014] dan dirasmikan oleh Timbalan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Amar dan dihadiri oleh ramai kartunis-kartunis seluruh Malaysia untuk meraikan hari perasmian yang julung-julung kali diadakan. Nama saya sebenarnya Rosidi Semail ataupun saya ringkaskan jadi Rossem cantumannya daripada dua perkataan Rosidi dan Semail tu dijadikan satu perkataan yang pangkalnya Ros-sem. Itu sahaja takda [tiada] apa-apa tapi dalam bahasa arab katanya Rossem itu ertinya pelukis haha (ketawa) begitulah pernah disebut-sebut oleh orang arab rossem tu maknanya pelukis. Jadi, itu secara kebetulan sahaja lah.

SH : Berapakah umur encik sekarang?

RS : Sekarang... Saya lahir pada tahun seribu sembilan ratus empat puluh lapan [1948], bermakna sekarang sudah tujuh puluh empat tahun (74), (74) tahun.

SH : Apakah hobi encik pada masa lapang?

RS : Melukis lah. Melukis memang hobi daripada dulu lagi masa remaja lagipun memang suka melukis. Jadi, hasil daripada hobi tu jadilah saya ni sebagai seorang pelukis dan khususnya pelukis kartun lah, kartunis. Jadi walaupun saya bekerja di berbagai-bagai tempat tapi asasnya ialah pelukis juga walaupun atas nama apa jabatan apa semua pun tapi berpandu pada asas kebolehan saya tu melukis

SH : Apakah cita-cita encik sewaktu kecil?

RS : Cita-cita masa kecil itu kita pun tidak sedar, tiada siapa yang sedar bahawa kita ada mempunyai kebolehan dalam bidang begitu-begitu *dok* [kan] tapi bila sudah agak dewasa sikit barulah kita tahu ouhhh bidang kita ini boleh apa minat kita ini melukis dan kita boleh teruskan dengan melukis haa begitu (berdehem)

SH : Dimanakah encik dibesarkan?

RS : Saya lahir dan dibesarkan di kampung ini lah, Kampung Peringat, Kelantan tapi rumah ini, rumah baru. Sebelumnya di dalam kampung tu tidak kat sini.

SH : Apakah nama ibu dan bapa encik?

RS : Nama bapa saya Zul Haji Semail jadi disebut rosidi semail S-e-m-a-i-l dan mak saya tu Hajjah Kalsom. Dua - dua sudah meninggal lah. Sudah lama meninggal (berdehem)

SH : Apakah pekerjaan ibu dan bapa encik?

RS : Jadi rata- rata kalau di Kampung Peringat ini pada zaman tu era 50 an [1950] sebelum merdeka, selepas merdeka sebab ayah ibu saya ni (bunyi pintu terbuka) memang hidup sebelum merdeka dan selepas merdeka beberapa tahun. Jadi, kehidupan sini adalah petani lah. Petani, pekebun.

SH : Baiklah. Berapakah bilangan adik-beradik encik?



RS : Ada 4 orang. 4 orang adik beradik.

SH : Bolehkah encik ceritakan sedikit mengenai adik beradik encik?

RS : Adik beradik saya tu (bunyi pintu terbuka) 4 orang, semua perempuan saya *sorang* [seorang] lelaki jadi lima orang semuanya. 4 orang tu adik beradik saja termasuk saya 5 orang maksudnya. Jadi, yang 4 orang lagi tu perempuan, 3 sudah meninggal, tinggal lagi *sorang* [seorang] saja lah. Jadi, adik beradik yang sekarang ni yang masih ada dua lah. Dua orang tu termasuk saya lah. Itu saja.

SH : Berapakah bilangan anak encik?

RS : Anak ada (berdehem) lapan, lapan [8]orang.

SH : Boleh encik ceritakan sedikit mengenai anak-anak encik?

RS : Yang pertama tu sudah ada anak laa bermakna saya ini sudah ada cucu laa. Dulu-dulu cucu saya tu belajar di Uitm Machang jugak. Belajar situ. Sekarang ni sudah kerja dah. Dia dulu dia *ambik* [ambil] Matematik perakaun ke. Selalu lah saya *duk pergi* [pergi] hantar kat dia di Machang hari.. hari apa tu. Hari khamis pergi ambik [ambil] pastu hari.. (berfikir).. hari sabtu pergi hantar .

## BAHAGIAN 2- PENDIDIKAN

SH : Baiklah. Kita beralih kepada pendidikan. Boleh encik kongsi tentang pendidikan encik sedikit?

RS : Pendidikan tu, selain daripada sekolah menengah pada era saya tu memang takat sekolah menengah tu sudah kira tinggi dah. Tapi setelah saya bekerja saya mengambil, saya belajar lagi, *Ambik* [ambil] diploma bidang grafik sebab saya dulu kerja dengan ada berkaitan dengan grafik, dengan penerbitan, dengan buat buku, buat macam-macam lah. Jadi maknanya, ada *jugak* [juga] lah diploma dalam bidang grafik. (Berdehem)

SH : Adakah diploma dalam bidang grafik itu lebih kurang dengan bidang seni?

RS : Grafik tu saya *ambik* [ambil] swasta jadi swasta pun guru-guru saya dulu saya ingat beberapa persen daripada UiTM [Universiti Teknologi Mara] jugak duk kolumpo (Kuala Lumpur) masa tu bukan sini di kolumpo (Kuala Lumpur) lah. Jadi, samalah dengan yang kerajaan apa semua diploma tu sama je lah kerajaan, swasta sama je.

SH : Bagaimanakah encik pergi kesekolah waktu dahulu? Adakah dengan berjalan kaki atau menaiki moto?

RS : Dulu zaman saya dulu selepas merdeka saya mula sekolah tahun seribu sembilan ratus lima puluh tujuh tahun [1957] tahun merdeka tu la tu darjah satu. Masa tu di Kampung Peringat *takde* [tiada] sekolah lagi *takde* [tiada] wujud lagi sekolah sekolah rendah yang paling dekat sekali Padang Kala (nama kampung di Kelantan) lebih kurang tiga puluh meter daripada sini. Jadi, banyak kanak-kanak yang umur 7 tahun, darjah 1 jalan kaki pergi sekolah pagi petang, pagi pergi tengah hari balik jalan kaki daripada Peringat (nama kampung tokoh) ke Padang Kala (nama kampung di Kelantan) tu lah. Jauh *jugak* [juga] tu 3 kilometer kemudian setahun selepas, tahun 58 [1958] baru lah dibangunkan sekolah, Sekolah Peringat, sekolah kebangsaan. Sekolah yang masih ada sekarang ni dibangunkan oleh orang-orang kampung. Dulu-dulu namanya sekolah rakyat je kemudian dinaiktaraf jadi sekolah yang diambil kerajaan sekarang ni jadilah sekolah kebangsaan. (berdehem)

SH : Sebentar tadi, encik ada mengatakan mengenai diploma swasta yang encik belajar. Jadi, sewaktu diploma swasta itu adakah menanggung sendiri atau mendapat biasiswa ?

RS : Pada masa tu saya dihantar oleh jabatan untuk khusus jadi makna bayar tapi saya tidak bayar lah kerajaan yang bayar. Jabatan saya tu bayar lah jadi, jabatan saya bayar sebab untuk nak bagi kemahiran kebolehan dalam bidang yang saya bekerja tu bukan saya *sorang* [seorang] lah ramai yang hidup dia pergi hantar khusus di hantar belajar sehingga diploma, ada yang 6 bulan tu dapat sijil tapi saya lebih 6 bulan diploma, begitu laa. (bunyi motosikal)

SH : Apakah subjek yang diminati sewaktu di sekolah?

RS : Memang melukis tu memang ada minat lah, minat utama laa sebab bidang tu saya rasa mudah bidang kita minat tu apa-apa perkara jadi mudah kalau yang payah tu kita tukar sendiri pun *takde* [tiada] minat umpama katalah kita ni lemah dalam matematik jadi kita nak kata minat matematik tu *takda* [tiada] laa kita malas nak belajar kan semua macam tu bila kita suka kepada sesuatu benda tu, maka, kita pun rajin lah menumpukan fokus kita tentang subjek tu (berdehem)

SH : Jadi seni telah menjadi kegemaran subjek sewaktu di sekolah. Adakah encik pernah menyertai kelab seni sewaktu di sekolah?

RS : Masa tu *takde* [tiada] lagi kraft seni. Masa saya dulu tu *takde* [tiada].

SH : Sewaktu itu adakah encik pernah menyertai mana-mana pertandingan sewaktu di sekolah seperti pertandingan mewarna?

RS : Pada masa tu pun *takde* [tiada] tu saya tak pernah ingat tu tapi sambil tu saya adalah minat menulis adalah saya pernah menulis dalam majalah masa sekolah sekolah dulu sudah minat menulis jadi tulisan saya tu sudah pun dimuatkan dalam majalah, majalah lah dalam penerbitan penerbitan terkenal pada masa tu. Waktu itu saya baru tingkatan satu atau dua tapi tulisan saya tu sudah diterima.

SH : Boleh encik ceritakan sedikit mengenai pengalaman encik di sekolah (bunyi motosikal) sama ada pengalaman pahit atau pengalaman manis?

RS : (Berdehem). Saya dulu sekolah kebangsaan tu di Peringat (nama kampung tokoh) lah kemudian selepas tu saya masuk sekolah menengah di sekolah SIC, Maktab Sultan Ismail di Kota Bharu tu lah. Masa tu pergi dengan bas lah pada zaman tu naik bas. Jadi, sekolah menengah pada masa tu terlalu sedikit bukan semua tempat ada sekolah menengah. Jadi kalau disini, di Melor (nama kampung di Kelantan) ada di Kota Bharu di SIC sekolah masa tu dia terkenal dengan nama SIC Sultan Ismail College [kolej]. *Loni* [sekarang], Maktab Sultan Ismail Putra. Haa begitu.

SH : Berapa minit dari rumah encik ke sekolah menengah kolej?

RS : Naik bas? (Shahirah menggangguk) Naik bas jalan daripada sini ke kota bharu naik bas setengah jam la pada zaman dulu. Sekarang pun dari sini lebih kurang setengah jam [30 minit] paling cepat, jem apa semua masa tu bas datang tu bukannya tentu, tepat dengan masa, menunggu lagi setengah jam [30 minit] *jugak* [juga] laa. (Berdehem).

SH : Pernahkah sewaktu di sekolah menengah encik menerima sebarang cabaran dalam kehidupan encik?

RS : *Takda* [tiada] apa masa saya di sekolah tu. (bunyi kenderaan) Biasa saja lah, *Takda* (tiada).

### BAHAGIAN 3- PEKERJAAN AWAL

SH : Baiklah. Kita beralih kepada pekerjaan awal. Berkaitan dengan pekerjaan awal pula, apakah pekerjaan awal encik sebelum menjadi seorang pelukis kartun?

RS : Selepas habis sekolah dulu, saya menyertai pasukan polis masa berlakunya peristiwa 13 Mei di *kolumpo* [Kuala Lumpur] tu, saya ada di *kolumpo* [Kuala Lumpur]. Saya sambung pelajaran di *kolumpo* [Kuala Lumpur] dan kemudian terjadinya tragedi berdarah Mei 13 tu yang ramai meragut nyawa tu saya pun berhenti belajar kemudian menyertai pasukan Polis Diraja Malaysia iaitu pada...(berfikir) Berlaku peristiwa tu 13 Mei (bunyi lori), saya masuk polis tu 16 Jun (bunyi hon motosikal) begitu lah. Saya masuk pasukan polis kemudian selepas tamat latihan di pelapor di Hulu Pintar kemudian di kirim di hantar ke Pengkalan Chepa [nama tempat di Kelantan] dengan pasukan polis hutan pada masa tu. Jadi, selama lapan tahun [8 tahun] saya dengan pasukan polis hutan di Pengkalan Chepa [nama tempat di Kelantan] sehingga tahun seribu sembilan ratus tujuh puluh lapan [1978] dulu dan tahun 70 [1970] sampai 78 [1978] selama lapan tahun [8 tahun] lah saya berkhidmat dengan pasukan polis hutan tu di Pengkalan Chepa [nama tempat di Kelantan] tu kemudian selepas pada tu saya tukar lagi ke Bukit Aman di ibu pejabat Polis Diraja Malaysia Bukit Aman. Disitu, saya bekerja di bahagian penerbitan. Bahagian penerbitan unit perhubungan awam diraja Malaysia. Pada masa tu lah tugas saya bermulanya tugas saya tu bahagian penerbitan, buat majalah, buat buku,

buat apa semua. Jadi tugas saya pada masa tu tidak sepertimana polis yang kita tengok pada hari ni yang trafik apa semua tu, tidak. Tugas saya pada masa tu daripada tahun seribu sembilan ratus tujuh puluh lapan [1978] sehingga seribu sembilan ratus sembilan puluh tiga [1993], fokus saya tentang penerbitan. Jadi semua penerbitan tu saya juga terlibat dengan fotografi, terlibat juga dengan wartawan, dengan buat layout majalah jadi untuk semua proses untuk menyiapkan sebuah majalah atau buletin tu, tanggungjawab saya lah dan beberapa orang lain lagi lah. Jadi, selok-belok tugas tu ada kaitan lah dengan kursus yang saya *ambik* [ambil] dari diploma yang saya sebut tadi

SH : Boleh encik kongsi berapakah gaji encik sewaktu tahun 1970 hingga 1978 itu sebagai seorang polis?

RS : Pada masa tu kerja polis ni gaji nya tak banyak empat ratus lima ratus gitu je (ketawa) tak mahal pada masa tu. Tapi biar lah pada masa tu kalau gaji seribu dah banyak dah harga pada masa tu berapa. 20 sen boleh beli apa barang-barang dah. Nasi berlauk pun singgit [Rm1] nasi *lemok* [nasi lemak] beli kolumpo [Kuala Lumpur] pada masa saya pergi dulu masa kursus tu 50 sen je nasi *lemok* [nasi lemak]. Nasi *lemok* [nasi lemak] pun kenyang dah. 50sen je, air 20sen. Jadi gaji tu sebenarnya dia tak boleh nak apa nak nilai dengan sekarang lah. Masa dulu pada tahun 60an [1960], 70an [1970] tu sewa rumah di kolumpo (Kuala Lumpur) pun seratus je. Saya sewa dulu di kolumpo tu 95

[Rm95] je sewa rumah. Kalau sekarang ni berapa 700 ratus. Tentang gaji ni dia ikut semasa lah, ikut pasaran semasa lah.

SH : Apakah pangkat encik sewaktu menjadi polis?

RS : Pangkat saya sarjan saja, saya bersara waktu sarjan, tapi ingat saya bersara tu bukan umur 60. Saya bersara awal, pilihan sendiri, waktu tu umur 45. Selepas berhenti pada polis, bersara daripada polis tahun 1993, (berdehem) bermakna saya berkhidmat dalam polis 25 tahun. Saya bekerja pula dengan akhbar dan sains sebagai auditorial kartunis di (bunyi kenderaan) Petaling Jaya [nama tempat di Kuala Lumpur]. Jadi, pada masa tu tugas saya setiap hari menyiapkan 2 kartun satu kartun editorial satu kartun galeri ni, itulah kerja saya selama sembilan (sembilan) tahun saya kerja daripada tahun 1993 hingga 2001 gitu lah

SH : Boleh saya tahu apakah cabaran dan kesusahan encik sebagai seorang penerbitan di Bukit Aman?

RS : Dia sebenarnya kerja situ *takde* semua kerja yang kita boleh lakukan semua. Tidak ada masalah apa-apa. Kalau diarahkan pergi sampai ke Sabah Sarawak kita pergi lah. Begitu je lah. Pergi temuramah. Temuramah lah paling masa tu banyak. Pergi sarawak untuk menyiapkan buku, majalah apa semua terpaksa *ambik* [ambil] cerita-cerita kepahlawanan-kepahlawanan polis di Sarawak,



zaman komunis dulu, palapor, kena pergi sana pergi *interview* [temuramah] yang rakan-rakan polis yang masih hidup yang terdiri sepertinya orang-orang Iban [suku etnik di Sarawak] masuk ke pedalaman Sarawak tu sampai ke rumah rumah panjang itulah cabaran apa semua tapi menyeronokkan lah.

SH : Adakah perjalanan encik itu melalui bersama-sama dengan organisasi polis atau menaiki kereta sendiri?

RS : Organisasi polis laa bersama dengan polis. Bila bergerak tu tak ada bergerak sendiri la dengan tentera polis laa. Dihantar pejabat tu dia ada kereta yang boleh digunakan sebagai reporter (bunyi kerusi) akhbar laa. Reporter akhbar sama macam tu ada kenderaan dia jadi polis pun ada kenderaan dia kena ada pass press card tu kena ada. Jadi, sama lah seperti wartawan akhbar lah dia tulis akhbar juga cuma akhbar kita ni akhbar yang macam ni yang surat khabar tu urusan harian macam tu, sama je.

#### **BAHAGIAN 4- PEKERJAAN KARTUN**

SH : Baiklah sekarang kita beralih kepada pekerjaan kartun encik dari mana datangnya minat untuk menjadi seorang pelukis kartun (bunyi motosikal)

RS : Jadi pada kemuncak *dok* [kan] pada masa tu tahun berapa... (berfikir) tahun april 60an [1960] awal 70an [1970] pada masa tu saya belum lagi anggota polis. Saya jadi anggota polis tadi tahun 69 *dok* (kan), 13 Mei tu, tapi tahun 68 [1968], 67 [1967], saya sudah melukis dah secara yang di kampung-kampung seperti tiada asas, tiada *basic* (asas) apa semua ni yang taktahu apa. Pada masa tu, hanya satu saja majalah di Malaysia yang menampung karya kartun iaitu majalah filem daripada Singapore. Sekarang *takde* (tiada) dah. Adik adik semua tak ingat majalah filem. Hanya majalah filem saja ada 2 muka surat. Ruangan mari ketawa. Disitulah tempat kartunis pada zaman tu mengasah bakat dia dan dihantar pada editor majalah tu dia disiarkan kemudian dapat tiket *woyang* (wayang) percuma di setiap panggung. Jadi pada masa tu pada tahun awal 70an [1970] akhir 90an [1990] tu antara kartunis yang sudah diterima masuk di karya mereka tu termasuklah (bunyi lori) Dato' Lat, Allahyarham Rajadhab yang kami anggap sebagai guru kartun di Malaysia tu kemudian Allahyarham Syukur Lim, ermm... (berfikir) dan ramai lagi lah. Mereka tu semuanya bermula di majalah filem. Alumni Majalah Filem (nama penerbit filem) lah. Kemudian selepas majalah filem tu *takde* [tiada] lagi dah apa semua tu, adalah penerbitan-penerbitan komik pula tumbuh di Malaysia tu di Kelantan pun ada. Maka, pada masa tu sekitar tahun 1974, 75 [1975], karya karya komik pula diterbitkan oleh penerbitan penerbitan yang bercambah pada masa itu. Kerana karya komik laris pada masa tu di pasaran penerbit penerbit pun suka ada penonton ada pembeli, ada peminat pada masa tu.

SH : Jadi encik memulakan bidang lukisan ini bermula dengan komik?

RS : Bukan. Komik ini tahun tahun 74 [1974] dah. Komik ini tahun 74 [1974] tapi sebelum itu tadi yang saya cerita itu melalui majalah filem. Asasnya dari majalah filem. Majalah filem itu bukan komik, kartun yang sekeping-sekeping tu. Jadi pada tahun 75 [1975] itu khususnya di Kelantan macam sekarang ni ada satu kumpulan pelukis-pelukis komik di Kelantan ni yang di ketuai oleh Yamin Daud ada lagi sekarang ni. Yamin Daud yang lain-lain Husin Saad apa sudah meninggal dan ramai lah sudah meninggal. Jadi, berkumpul di Kota Bharu iaitu bangunan di Kota Bharu tu melukis komik lah. Diterbit, ada penerbitnya. Jadi setiap bulan tu adalah 5 buah komik diterbitkan. Jadi termasuk lah yang saya pun ada. Disitulah era komik di Malaysia kekal sehingga beberapa tahun. Sehingga ada satu lagi penerbit komik yang dikira hebat lah dengan pakar-pakar, pelukis-pelukis yang hebat-hebat menyertai sama iaitu penerbitan SUARASA di Kuala Lumpur. Jadi dia membuat komik BAMBINO apa semua masa itu. BAMBINO itu dikira komik yang paling terbaik lah pada zaman pada tahun 1976 ke 77 [1977] begitulah. Kemudian dia bertahan beberapa tahun sehingga pada tahun 1978, Majalah Gila-gila pula terbit. Bila Majalah Gila-gila terbit maka meletup komik-komik sudah jadi satu jadi satu apa benda baru bagi masyarakat kita benda yang *relevan* [sesuai] dengan citarasa masyarakat kita pada masa itu. Jadi gila-gila naik mendadak jualannya laris, ramai peminat. Gila-gila tu tahun 78 [1978], jadi saya menyertai gila-gila tu dikira angkatan pertamalah, penyumbang pertama gila-gila. Lepas itu diambil alih orang lain lah, orang-orang baru apa semua. Jadi saya salah seorangnya orang yang pertama yang menyertai gila-gila pada tahun 1978.

SH : Boleh encik kongsi pada tahun berapakah encik melibatkan diri dalam bidang lukisan secara sepenuhnya.

RS : (Bunyi motor) Pada masa itu, masa saya masih kerja dengan polis lagi pada tahun 1978 tu kartun saya sudah mula disiarkan di akhbar Utusan Malaysia (nama akhbar). Tapi memang masa tu saya sebagai penyumbang lah. Baik saya kerja kerajaan lagi. Tahun 78 [1978] saya..., kartun saya diterima oleh akhbar Utusan Malaysia, setiap minggu ada (bunyi motor) dalam utusan Malaysia itu disiarkan dalam utusan Malaysia hari Sabtu pada masa itu kemudian ditukar kepada hari Ahad (bunyi Motor) iaitu dengan watak polis Konstabel Jabit tu. Ramai peminat pada masa itu yang suka watak2 itu dan setiap minggu orang menunggu nak tengok macam mana kartun Konstabel Jabit idea-idea baru itu untuk minggu ini. Begitulah seterusnya sampai 15 tahun bertahan. Lama masa itu, 15 tahun. (Berdehem) saya berhenti pada tahun 1993 dengan tidak melukis Konstabel Jabit sebab saya sudah masuk bekerja dengan balai tugas pencegah polis. Kita masuk kerja dengan khabar lain dan kita buat khabar lain memang tak boleh lah. Tapi di samping konstabel Jabit tu, utusan masih lagi terima saya dengan karya-karya lain dalam akhbar Jawi dia itu utusan Melayu yang tulisan Jawi pun ada saya buat. Utusan zaman sekarang tiada dah surat khabar tu dah hilang dah, ada editorial pun ada kartun pun ada tutorial dia dalam utusan zaman pun saya buat, banyak. Dan majalah2 terbitan utusan pun saya ad buat seperti mestika, kiblats pun ada majalah agama dulu kemudian komik kawan. Banyak saya menyumbangkan karya-karya dalam akhbar utusan terbitan Utusan Melayu. Kemudian selepas tahun 1993 saya berhenti polis kemudian saya menyertai akhbar The Sun [nama akhbar]. Disitu saya buat bahasa Inggeris lah utusan. (Bunyi lori)

SH : Maknanya pekerjaan encik sebagai seorang pelukis ini sudah melebihi 30 tahun.

- RS : Bayangkan kalau tahun 70 [1970] sekarang tahun 2023, berapa tu? Hahaha (ketawa) lebih dah tu lebih 40 [40 tahun] dah. (Berdehem)
- SH : Pada awalnya siapakah yang memberi tunjuk ajar kepada encik untuk melukis kartun?
- RS : Pada zaman tu zaman saya dulu, bukan saya saja lah siapa-siapa pun tak ada siapa yang mengajar. Sebab kartun ni tiada guru. Di universiti pun tak ajar kartun *dok* [kan]. Animasi ada, ada jurusan animasi tapi jurusan kartun tiada sampai sekarang pun masih tiada lagi dimana mana pun. Jadi kita belajar daripada pemerhatian kita (bunyi motosikal) kepada karya-karya orang-orang lain. Karya daripada luar negara ataupun dalam negara. Dan daripada situlah kita meneliti bagaimana mereka mendapat idea untuk dialog dan untuk apa-apa sahaja tentang kartun tu. Kita tumpukan, fokuskan bagaimana mereka mencari idea dan kita boleh terjemahkan (bunyi lori) idea-idea mereka dalam masyarakat kita pula. Sebenarnya melukis kartun tu, melukis tu tak susah mana siapa sahaja boleh melukis, sekarang pun ramai orang boleh melukis, melukis kartun ni. Tapi idea tu susah. Bagaimana nak mendapatkan idea tu susah. Jadi idea dengan kartun tu mestilah seiring. Yang pertama idea, yang kedua barulah kartun, kartun tak cantik pun tak apa, tapi idea bagus. Kalau kartun cantik tapi idea tak bagus tak guna juga. Kalau dua-dua cantik tu memang baguslah. Tapi kalau kartun tak cantik tapi idea cantik tu dah okey dah. Tapi idea tu susah. Bagaimana nak dapat idea tu kena (berdehem) banyak belajar lagi lah, bagaimana nak dapat kan idea itu susah. Bukan bagaimana untuk melukis kartun tapi bagaimana untuk mendapatkan idea, mesej yang kita nak sampaikan kepada masyarakat itu. Sebab kartun ni bukannya (berdehem) sebagaimana yang sesetengah orang fikir yang kartun ni untuk budak-budak main-main. Kartun ni banyak jenis, yang macam kartun

editorial tu kartun yang merakamkan peristiwa semasa tu.(batuk) yang merakamkan peristiwa yang berlaku pada masa itu pada hari ini katanya. Jadi kalau apa berlaku pada hari ini dari segi politik ke masyarakat ke apa-apa yang berlaku dalam masyarakat kita. Kalau untuk surat masuk dalam surat khabar. Sekarang ni kalau tiada surat khabar *facebook* pun boleh. Macam tu lah.

SH : Pada masa itu (tapi..ermm.) okay maafkan saya. Pada masa itu, apakah kegemaran cerita kartun encik?

RS : Kartun ni dia, dia banyak jenis. Kartun ni..aaa..apaaa..saja kartun editorial kartun, sebagaimana yang saya cerita tadilah. Kemudian kartun yang sosial kritik, Kemudian kartun yang hiburan semata mata. Hiburan tu yang kita boleh tonton sebagaimana dalam tv apa semua tu, animasi semua tu hiburan yang tiada apa2 sebenarnya tpi hiburan benda yang meculucukan. Jadi yang kita harus buat sekarang ni kartun yang macam mana? Haa itu. Kartun hiburan ka, kartun nak mengkritik menegur masyarakat ka. Jadi kalau kartun yang menegur masyarakat itu macam cara nak buat supaya kita tegur orang tu jangan marah. Kalau kita tegur tak kena pun orang marah juga. Orang boleh saman boleh apa. Jadi itulah keluaran kartun ni harus apa, harus memahami keadaan itu dari segi undang-undang dari segi tatacara, tertib, akhlak bagaimana kita nak sindir seseorang itu.

SH : Siapakah yang memberi dorongan dan sokongan kepada encik untuk menceburi bidang kartun ini?

RS : Sebenarnya kita sendiri lah, pelukis itu sendiri yang apa yang selalu bekerja kuat untuk menjayakan kerana ini lah sumber pendapatan, terutama sumber pendapatan kita. Kalau kita tak melukis kita nak bekerja macam mana macam mana kita nak dapat income (pendapatan) yang masuk. Jadi sebenarnya tiada siapa orang luar yang mendorong kita melainkan kita sendiri lah. Macam kerja kerja apa sahajalah. Macam pemandu apa semua itu tiada siapa yang mendorong pemandu kereta pemandu bas melainkan kita sendiri lah kerana kita ingin mendapatkan income macam melukis juga lah. Jadi bukannya kita lukis saja2 nak lukis ada tujuan dia ada macam sekarang ni saya duk melukis untuk ilustrasi buku. Buku motivasi. Jadi banyak yang melibatkan kartun 3 40 90 karya. Tadi baru saya melukis. Jadi macam tu lah. Jadi kita sendiri lah, kalau kita taknak kita tolak lah. Jadi kalau kita nak maka kita kena buat bersungguh sungguh lah. Kalau kita buat secara cincau dan main2 tak boleh itu sebab kita kena ingat yang melukis kartun itu satu pekerjaan supaya orang, macam orang buat filem laa, pelakon filem, kalau kita tengok pelakon filem tu main-main je, dia pergi berlakon main-main tapi sebenarnya dia bukan main2 tapi tu kerja dia. Itu sebab kalau ikut filem nak kena marah kerana pelakon yang baru ingt itu main-main dan suka-suka tapi itu tidak, sebab itu tempat dia cari duit jadi kena buat kerja betul-betul. Hahaha. Kalau siapa yang tak tahan tak boleh lah. Jadi maknanya setiap kerjaya seseorang itu kena buat bersungguh sungguh termasuklah pelukis kartun.

SH : Boleh saya tahu, siapakah idola encik dalam industri seni ini?



RS : Idola ini, ada juga lah nak kata tak ada tu ada kita mesti ada, kita setiap orang. Kalau kita di peringkat baru melukis, ada orang yang senior daripada kita tu bagus kita tertarik dengan karya dia lukisan dia. Macam saya dulu banyak dipengaruhi oleh Allahyarham Rejabhab terutama dalam menyampaikan mesej kepada masyarakat tentang bagaimana idea.saya banyak dipengaruhi oleh karya2 dia. Kemudian dari segi lukisan adapun, ada jugalah kita tu siapa2 sajalah dipengaruhi oleh unsur-unsur apa-apa pelukis-pelukis kartunis-kartunis yang senior-senior baik dalam negara atau luar negara yang kita minat ada. Memang ada, itu tak boleh lari lah sesiapa pun. Tapi kita jangan kekal dengan cara tu, mesti kena cari identity sendiri. Yang identity tu penting, tapi kita kena bersungguh sungguh lah bagaimana untuk mencari identity kita jangan kita tirulah ataupun kita ada karya kita yang orang kata ini samalah dengan karya yang orang lain punya. Yang itu tak baguslah. Itu sebab di dalam saya melibatkan diri dengan dunia ini, kartunis antarabangsa ni pun lagi kuat cabaran sebab di dalam masyarakat antara bangsa tu kita pun tak kenal kerana dia ada pemantau. Pemantau setiap karya yang dia sumbangkan. Kalau didapati ada persamaan dengan karya orang lain, dia akan cantumkan sekali. Jadi semua orang akan tahu ini karya yang sama. Walaupun kita tak tiru tetapi ada persamaan pun tak boleh. Bayangkan bagaimana susahnyanya kalau melibatkan antara bangsa. Ramai pelukis-pelukis terkenal di dunia tu bila pemantau ini dapat mengetahui ada persamaan dengan karya orang lain dia siarkan perkara tersebut dalam facebook dan semua orang akan tahu.

SH : Encik, sekiranya terdapat persamaan antara lukisan encik dengan orang lain, adakah encik disaman atau dikenakan sebarang denda?

RS : Tidak saman. Jadi maknanya jatuh la identiti kartunis itu walaupun kita tidak tiru tapi secara kebetulan pun memang tak boleh. Secara kebetulan karyawan tidak boleh. Sama juga lah dengan penulis. Penulis carpenis ka penyair ka apa, tiba2 dia buat sajak. Sajak itu dia ada kemiripan dengan sajak karya orang lain dan apabila orang cantum sekali dan baca ada kemiripan itu tak boleh. Walaupun dia tidak tiru tapi ada juga lah dia tak tiru pun dia pernah terbaca karya orang lain, kemudian dia buat sendiri. Jadi orang dapat kesan lagi. Pakar2 ni dah tahu begitu juga lah dengan kartun. Jadi kena berhati hati.

SH : Okey, baiklah. Adakah melukis (Pak Rossem berdehem) melukis kartun ini mempunyai persatuan atau kelab?

RS Di Malaysia ni, dulu ada tapi sekarang ni, masa duduk kolumpo (Kuala Lumpur) dulu pernah ada buat persatuan, jawatankuasa penaja bentuk persatuan-persatuan kartun pada masa tu pada tahun 90[1990]. Tahun 90 [1990] tu persatuan kartun, lama juga bertahan sampai sekarang ni saya tidak tahu masih wujud lagi ke tidak(berdehem) jadi macam di Kelantan dulu *takde* [tiada] lah. Sekarang ni kita berkembang sikit dengan wujudnya balai kartun apa semua ni. Ni dikira balai kartun yang pertama lah di Malaysia tu dirasmikan oleh timbalan menteri besar Kelantan 2014. Jadi, ada berbagai-bagai khazanah kartun disimpan disini, saya tidak pamerlah sebab ruangan sempit tapi kalua pelajar-pelajar atau sesiapa saja yang nak membuat kajian tentang kartun, tentang komik boreh saya tunjukkan tapi pasal hari ni tentang saya tapi kalau ada setengah orang lain, pelajar-pelajar orang nak buat phd pun ada tentang kartun dating sini macam professor dari Uitm tu, dai orang Malaysia pertama Phd dalam bidang pengajian kartun, dia pencen, kartun melayu. Masa dia ambil Phd di London dulu banyak saya hantar barang-

barang kat dia, berhubung dengan saya. Pada masa tu, hantar melalui pos pasal belum ada lagi, email pun belum ada lagi dengan pos.

SH : Sebentar tadi encik ada ceritakan Mengenai balai kartun, balai kartun encik ini ditubuhkan pada tahun bila?

RS : Dua kosong empat belas (2014)

SH : Adakah balai kartun ini persendirian atau sewa?

RS : Persendirian. Diwujudkan secara persendirian seakarang saya mahu lihat kartun itu ada perkembangan, biar ada perhatian orang ramai jadi macam ada semangat pada kartunis bila wujud gini jadiseamangatuntuk berkarya gitu lah. Kemudian ada terbitkan buku-buku tentang kartun (pergi ambil buku) yang macam ni saya terbitkan buku tentang 100 kartunis dan pelukis komik Malaysia. Haaa tuu. Ini balai kartun ini lah yang terbit 7, 8 tahun lepas lah. Ni sebagai indeks (sambil tunjuk di buku) lah, indeks pelukis-pelukis komik dan kartun di Malaysia jadi pada sesiapa yang nak tahu perkembangan kartun Malaysia tu boleh tengok disini. Kemudian ada disenaraikan pelukis-pelukis komik dan kartun yang paling awal sekali di Malaysia iaitu ali Sharna, tapi semua tu dah mati lah sebelum merdeka. Jadi kartun dia disiarkan dalam utusan zaman pada masa tu yang membangkitkan semangat orang melayu untuk menuntut kemerdekaan. Peranan kartun ni sebenarnya penting untuk mengakat sesuatu, mengakat bangsa, menaikkan martabat bangsa, memberikan kesedaran pada bangsa orang Malaysia ni Orang Melayu khususnya betapa pentingnya untuk kemerdekaan. Ali Sharna kemudian Saladin Yahya. Saladin Yahya ni kira pelopor komik melayu di Malaysia yang sudah meninggal sebelum ni. Ini Nora (sambil tunjuk dibuku), Nora ni pun sudah baru meninggal, dia orang Kelantan. Dia buat komik ketika usia dia 15 tahun, pada tahun 53, dia sudah buat komik dia. Pada tahun 53 sudah buat komik. Ni Allahyarham Rajabhab yang saya selalu sebut tadi tu haaa ini lah macam guru kartun saya. Dia paling banyak karya kartun dia ni disiarkan dalam akhbar dulu akhbar utusan apa semua. Saya banyak belajarlah daripada dia terutama aspek mencari idea dan dialog bagaimana kita nak menjadikan dialog itu pendek tapi ada pelakar (bunyi orang berbual) tu penting tu. Raja Hamzah (sambil tunjuk buku) ni terkenal satu masa dulu di akhbar di tiap minggu. Dia buat cerita tentang toyol apa semua tu takdei ingat (tak semapt ingat). Pada masa tu (bunyi motosikal) sesiapa yang beli akhbar tu memang untuk tengok bagaiman sambungan, hebatnya oranmg zaman dulu. Masa

zaman tu, takde (tiada) lagi gadget (telefon pintar), jadi komik ni benda –benda yang paling orang minat lah.

SH : Berdasarkan buku yang encik tunjukkan tadi (sambil tunjuk ke buku), (pak rossem berdehem) saya melihat beberapa pelukis kartun ini berasal dari negeri Kelantan yang dimana dia menunjukkan tulisan-tulisan itu adalah tulisan jawi. Adakah tulisan jawi ini bermula dari negeri Kelantan sendiri atau bagaimana?

RS : Tulisan jawi ni dulu sebelum merdeka zaman orang putih dulu belum ada lagi tulisan yang melayu, semua tulisan jawi, semua kitab apa, komik pun ada tulisan jawi tu, komik pun tulisan jawi. Jadi, selepas merdeka tu barulah tulisan jawi tu dihapuskan digantikan dengan rumi. Jadi (berdehem) satu benda politik yang tidak bagus untuk Orang Melayu

SH : Pernahkah encik mendapat tempahan besar dari mana-mana organisasi?

RS : Maksudnya tempahan?

SH Tempahan karya lukisan

RS : Memang saya *duk* [kat] sini tu banyak orang, tempah pun banyak. Banyak orang tempah hadiah apa semua, potret pun ada, karya kartun pun ada. Macam-macam daripada individu, persatuan, apa pun pengusaha untuk *membagi* [memberi] cenderahati kepada tetamu dia atau pun perasmian majlis-majlis perasmian. Banyak yang saya buat tu yang boleh dikatakan sepanjang masa lah, siap dengan print apa semua.

SH : Berapakah keluasan potret yang dilukis yang paling terbesar sekali?

RS : Kalau untuk hadiah tu tak besar, dia saiz paling besar pun A3 je tapi kalau untuk pameran apa ada lah besar sikit macam tu lah. Kita tengok dulu apa benda yang kita lukis tu. Kalau kita lukis dengan watercolor, watercolor ni dia tak boleh besar, dia frame dia guna cermin. Frame besar berat, tak boleh. Kalau macam canvas ni (sambil tunjuk ke lukisan canvas) dia besar pun *takpa* [tidak mengapa]. 3 kaki pun boleh tapi kalau watercolor tak boleh, dia bahaya cermin kan tak boleh berat, tak boleh menampung bingkai tu dengan keberatan cermin tu hadi terpaksa kecikkan sikit. Pastu boleh laa tengok macam mana saiz tu (sambil tunjuk ke lukisan).

SH : Berapakah kos yang diperuntukkan untuk menyiapkan potret tersebut?

RS : Macam mana?

SH : Berapakah kos yang diperuntukkan untuk menyiapkan potret tersebut?

RS : Dia melihat media apa yang dibuat kalau acrylic tu kita kena sediakan bahan-bahan lah watercolor, canvas apa. Kalau watercolor tu kita kena sediakan frame lah sebab frame tu adalah kos tinggi juga lah bergantung pada mutu frame yang kita buat.

SH : Adakah encik pernah berkolaborasi dengan mana-mana individu atau persatuan lain untuk menyiapkan pesanan potret yang besar?

RS : Buat sendiri takde masuk campurlah orang lain tu, *Takde* [tiada] disertai oleh orang lain sebab macam mana kita nak berpakat nak buat benda ni dengan orang lain, susah tu. Sukar sebab satu karya tu macam potret kata la, kalau orang tu tempeh potret, takkan nak buat dua orang, tak boleh. Kalau ada dua tempahan, kita bagi pada kawan kita buat satu kita buat satu haa okey lah kalau macam tu. Kalau kita tak sempat kata, orang tu nak dalam masa nak cepat jadi nak dua karya. Bila kita tak sanggup buat dua, kita ambil satu bagi lah dekat orang satu. Saya pun pernah orang datang sini nak tempeh karya pun saya tak sanggup buat pun ada. Bagi kat kawan-kawan, ramai lagi kawan-kawan yang boleh buat yang seratus peratus mencari makan dengan melukis. Dengan macam saya ni, tidak lah seratus peratus, sebab pencen pun ada.

SH : Boleh saya tahu berapa lamakah untuk menyiapkan potret sekiranya potret itu sebesar A3 tadi?

RS : 2, 3 jam laa. 2, 3 jam je. 3 jam boleh lagi lepas tu nak frame lagi makan masa juga sebab frame tu kena pergi kedai frame. 3 jam boleh dah. 2, 3 jam. Kalau betul-betul sempat 3jam

SH : Jadi, adakah encik melakar dahulu diatas kertas A4?

RS : Ye ye ye. Kena *sketch* [melakar] dulu guna pensel dulu yang tu mustahak tu kalau sketch dulu tak menjadi kalau kita color lagi tak menjadi. *Sketch* [melakar]tu mustahak. Ada lagi ke?

SH : Pernahkah encik menerima tajaan atau sponsor dari mana-mana pihak



RS : Macam saya buat pertandingan kartun antarabangsa , kalau sponsor kita nak buat sendiri dia memerlukan wang kewangan lah jadi mesti cari sponsor. Hadiah apa semua tu macam mana bukannya sikit cari sponsor seumpama tahun lepas saya membuat tema menjaga keselamatan jalan raya tu dengan kerjasama Narros, Institut pendidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia, Kuala Lumpur kemudian say buat baru ni kalikartur antarabangas dengan tema Sabri Yunus dengan kerjasama kerajaan negeri. Begitulah setiap kali saya buat pertandingan tu sudah enam kali dah dengan kerjasama badan-badan tertentu lah pasal dia melibatkan dengan kewangan.

SH : Adakah encik pernah mengikuti mana-mana kursus melukis dengan seniman tersohor

RS : *Takde* [tiada]. Cuma nya tahun lepas saya buat dua pertandingan satu pertandingan yang bertemakan perpaduan dan keharmonian di Malaysia , uniti di Malaysia lah. Kemudian, yang sabri Yunus. Kemudian bila (bunyi kertas) melibatkan 500 karya diterima dari seluruh dunia dengan seramai 225 kartunis dari 39 buah negara yang mengambil bahagian. Lebih 500 karya diterima, semua karya diterima dianggap sukar untuk kami buat pilihan dan ini adalah juri-juri yang saya lantik tu (sambil tunjuk di buku) daripada Morocco- Laila, Ali daripada Iran, Indonesia-August Widodo saya sendiri dan professor Tarmizi dari UMK jadi macam ini lah. Kemudian, dimenangi oleh kartunis daripada Uzbekistan Muzaffar yang pertama. Yang kedua dimenangi oleh Indonesia-Jamma, dia pernah dating sini dan ketiga dimenangi oleh Poland-Isabella, perempuan ni (sambil tunjuk buku). Seterusnya daripada Italy, China. Jadi kartun-kartun anatarabangsa ni dia tiada dialog. Kita bagi tema jadi setiap kartun yang tiada dialog tu kerja dia lagi kuat untuk menghasilkan karya yang orang faham dan ada makna macam ni daripada brazil (sambil tunjuk buku),

bagaimana penyatuan ini daripada iran. Iran paling banyak dalam karya ni sebab pelukis dia ramai. China, Russia.

SH : Boleh saya tahu berdasarkan pertandingan yang encik sebutkan tadi, berapakah tempoh masa yang diperuntukkan untuk menyiapkan?

RS : Selalunya 3bulan sebab kita war-warkan, promosikan dalam facebook, ada dalam web antarabangsa, ada rangkaian dia lah. Kalau tidak macam mana orang nak tahu. Jadi ada rangkaian dia di Mesir pun ada, Egyption cartoon. Kemudian di Indonesia ada, pulpensel. Kemudian di India ada. India tone. Kemudian di Iran, Iran ada 3 , Iran cartoon. Itulah cerita dia tu dimasukkan dalam laman web dia tu jadi setiap hari adalah iklan dia tyu. Iklan percuma je sampai habis, Kemudian dah habis, kita buat catalog, catalog pdf untuk diketahui dunia lah kalau tidak macam mana nak tahu. Catalog masuk pula dalam laman web dia, catalog pdf. Kemudian begitu lah setiap tahun, saya pun ada juga jadi pengadil antarabangsa melibatkan diri dengan antarabangsa dan ini jadi pengadil (sambil tunjuk sijil) juri diploma, pengadil di Romania.

SH : Encik, boleh saya tahu pada tahun berapakah encik jadi pengadil antarabangsa itu.

RS : Ini jadi pengadil di Morocco. Tapi kalau nak tengok tu ada kat dinding (sambil tunjuk ke dinding). Ni Morocco, jadi pengadil ni ramai dari Perancis ada, Indonesia ada, Poland dianjurkan oleh Persatuan Kartunis Afrika, International Festival Kartun Afrika. Ni jadi pengadil di Columbia pun ada, ni Universiti Azhar pun ada jadi pengadil. Ni boleh tengok.

SH : Berapakah sumbangan yang diberikan kepada encik sebagai seorang pengadil?

RS : Tak tentu.

## **BAHAGIAN 5- LUKISAN KARTUN**

AW : Baiklah, sekarang kita beralih pula kepada lukisan kartun, apakah keunikan bidang lukisan ini jika dibandingkan dengan bidang seni lain seperti mencanting batik ?

RS : Ouh, perbezaan antara kartun apa semua ?. Dia kartun ni, dia berdiri sendiri lah. dia tidak ada persamaan dengan batik. Batik tu jauh sangat berbeza tu. Batik tu kita apa.. sebuah karya yang.. errr.. yang kita boleh guna sebagai pakaian apa semua dok [kan].. bagai pemandangan apa semua. Tapi kartun ni dia sebenarnya ada tujuan untuk menegur menghantar mesej kepada seseorang.. err jadi kartun tu berfungsi sebagai media untuk menyebarkan

propaganda, menegur, mengkritik, dia merangkumi semua sekalilah selain daripada kelucuan semata-mata tu.

AW : Sekiranya melukis kartun, bahagian manakah yang sukar untuk dilukis ?

RS : Tapi bagi pelukis kartun ni, takde bendalah yang sukar. Kalau kita sudah sudah lama err berkecimpung dalam bidang kartun ni tidak ada yang merumitkan kita dalam melukis tu, melainkan kalau masalahnya mencari idea lah dia bila saya kata tadi guana [bagaimana] kita mendapatkan idea yang baik untuk kita sampaikan kepada masyarakat itu itu lagi rumit daripada apa apa yang kita salah satu bahagian yang sukar kita lukis itu terutamanya muka, tangan apa semua itu tidak penting sebenarnya, tapi idea tu sebenarnya penting kita mesti titik berat kan tentang bagaimana mendapatkan idea baik, kemudian idea itu kita nak sampaikan kepada masyarakat dengan tujuan tertentu

AW : Apakah jenis lukisan yang encik lukis ? Adakah seperti flora dan fauna atau sebaliknya pemandangan ke ?

RS : Kalau lukis kartun? Lukis kartun ni sebenarnya macam macam nilah ha ini lukis kartun dia tiada apa tujuan dia tema tengok ini keselamatan jalan raya bagaimana kita boleh mendapat idea kerusi ini boleh[boleh] kereta orang duk jauh oooo faham betapa pentingnya bila orang nak lalu ni, kereta mesti berhenti ha itu yang kita nak sampai di sini tu, kereta mesti berhenti terutama

bila orang tua lalu. Ha benda tu benda kecik je tapi ia kerana ada ini tu dia jadi satu benda yang serius.

AW : Jadi, melukis ini mestilah mempunyai tujuan dan hasrat yang ingin disampaikan ?

RS : Ha itu. Bukan semata-mata untuk suka-suka takde[tak ada], mestilah lukis kartun main-main, mesti ada tujuan.

AW : Adakah encik masih lagi melihat cerita kartun di televisyen untuk mendapatkan idea ?

RS : Mendapat idea ni kita melalui pemerhatian kita kepada sesuatu kepada kehidupan masyarakat [bunyi lori] sebagainya kita tengok keadaan hari ini bagaimana bagaimana peritnya apa ni peniaga-peniaga untuk mendapatkan pelanggan terutamanya perempuan yang menjaja di tengah panas terik mentari tapi takde[tak ada] siapa yang membeli yang benda benda itu yang mendapat idea tu. Selain daripada tu melalui pembacaan, baca surat khabar baca apa-apa saja lah jenis pembacaan media yang boleh membangkit yang boleh mendapatkan idea. Justeru itu, setiap kartunis perlu itu memiliki pengetahuan yang luas mesti banyak membaca terutamanya macam mana pun tidak boleh lari. Kalau tidak tidak dapat idea.

AW : Apakah jenis buku yang encik baca untuk mendapatkan idea ? Adakah secara random [rawak] atau sebaliknya ?

RS : Tengoklah tujuan apa kita nak lukis tu, atas tema apa kalau tema budaya kita kena banyakkkan baca buku budaya biar pengetahuan kita biar tentang budaya tentang kalau budaya kelantan kata dok(kan) dikir barat, wokyong, apa semua silat apa semua mesti dalam kepala kita mesti kita tahu bahawa macam ni masalah silat macam ni cara bersilat macam ni akibat kalau tersalah langkah apa haa benda tu kena ada dalam kepala benda tu kena belajar melalui pembacaan kita melalui pemerhatian kita kalau kita nak buat tentang politik mesti baca artikel-artikel, ataupun rencana tentang politik melihat tv[televisyen] apa semua aaa jadi tentang luar negara jadi kita nk melukis kartun tentang keadaan luar negara kita tak pergi ke sana jadi melalui pembacaan lah melalui baca buku tentang negara tertentu kita baca tentang yang berlaku di saja berita-berita semasa di sana tentang politik masyarakat di negara yg kita nk lukis tu aaa tu mesti kita mesti kita ambil berat benda-benda macam tu.

AW : Bolehkan encik ceritakan tentang kesulitan dalam menghasilkan dalam sebuah lukisan ?

RS : Em macam mana ?

AW : Bolehkan encik ceritakan sedikit tentang aa kesulitan dalam menghasilkan dalam sebuah lukisan ?

RS : Dia kalau kita buat tu kita mesti jangan separuh jalan la kita mesti tekad dalam hati kita tu kita nk buat mcm ni sampai jadi kalau tak jadi sekali yang buat buat kali yg kedua begitu sebenarnya. kita jangan eh kalau tak jadi malas doh mesti jadi punya kalau kata kita buat sekali tak jadi memang kita gagal la kita gagal menjadi seorang kartunis sebab kartunis tu mesti berusaha sedaya upaya untuk berhasil sebagaimana juga lah penulis oenulis tu kalau kita nk buat cerpen sekali buat tak jadi dah tak mau buat dah sampai bila kita takkan jadi penulis takkan jadi cerpenis mesti buat tak jadi sekali buat. Begitu juga karya-karya pengkarya-karya lah setiap karya mereka tu perlu hantar dekat surat khabar baik kartun ke sajak ke cerpen ke hantar dekat surat khabar, kali pertama, takde surat khabar editor yag menyiarkan baik sajak baik cerpen baik kartun takde tak siar punya baik setara mana pun tapi tak siar pun kita buat yang lain pulak. Buat, buat, buat, akhirnya dia siarlah dia siar sekali okay lah dia boleh terima lah . Haa jadi, benda-benda macam tu kena kena apa kena tanamkan semangat tu dalam kepala kartunis tu jadi daripada dulu saya dari dulu sampai sekarang pun pegangan macam itulah sikap saya macam tu lah jangan mudah tawar hati mesti bekerja keras untuk itu.

AW : Sekiranya emosi terganggu, adakah encik teruskan lukisan itu ?

RS : Sebenarnya emosi terganggu ni tak tak ada istilah emosi hidup kartunis emosi terganggu pasal ini kerja kan. Kerja ! Kita ingat kerja kalau kerja apa-apa pun kalau yg emosi terganggu macam mana sebabtu kita kena elakkan daripada emosi daripada stress apa semua. Macam saya kerja macam kerja dgn akhbar, akhbar tu dia date[tarikh] lain jadi setiap kartun tu pukul 5 petang mesti serah pada editor. Macam mana pun mesti serah pada editor tu, tepat pukul 5 petang - ha jadi pukul 4 pun tak siap lagi, jadi pukul 4 pun tak tahu idea ada mana lagi dok [kan] macam mana kita nak bekerja jadi pagi tu pukul 8 atau malam tu kita cuba lah cari idea baca buku baca surat khabar baca apa cari idea. Begitulah jadi masalah emosi apa semua tu takde benda ni pasal ini kerja kalau emosi apa semua tu kena pergi hospital la hahaha cuti sakit tu bolehlah ha cuti sakit tu okay lah dia takleh [tak boleh] tak ada istilah terganggu fikiran ke apa semua macam bawak kita memandu kereta memandu teksi kalau emosi macam mana pastu [lepas itu] penumpang macam mana, ha macam tulah.

AW : Apakah yang berlaku sekiranya lukisan itu tak sempat untuk diserahkan kepada editor, adakah diskualifikasi atau bagaimana ?

RS : Dia bila di sampai di line[barisan] dia tu kita kena serah kemudian ada la masa lagi satu jam katakanlah dia nak pakai bila pukul 5 tapi dia nk pakai pukul 6 jadi kalau nak baiki apa antara pukul 5 dgn pukul 6 tu ada la kita simpan masa untuk baiki (bunyi motosikal)ha benda tu jadi tapi sebagai pekerja dgn akhbar contohnya dok kita sudah paham surat khabar letak surat khabar tu mcm mana jadi karya kita tu (bunyi kenderaan) kita menganggapkan 90 peratus (bunyi kenderaan) yang akan terima tulah, jadi kalau yang tak diterima tu mungkin dalam masa setahun sekali atau dua kali dia reject itu aja tak jadi masalah.



AW : Apakah bahan-bahan yang perlu disediakan untuk menghasilkan bahan yang cantik dan kemas ?

RS : Aaa kalau dulu, dulu setiap lukisan tu tanpa dibantu oleh teknologi lain lah melainkan menggunakan secara manual lah. Tapi sekarang ni untuk :mencantikkan, boleh guna photoshop komputer sekarang ni macam-macam jadi, kemudahan sekarang tu lagi bagus la berbanding dengan dulu. Yang kedua cepat. Sekarang lagi cepat katakanlah kalau kita nak guna kaler warna tak payah buka watercolor apa semua warna cat, warna air sekarang ni ada komputer kita boleh guna kaler 'photoshop' apa semua (bunyi kenderaan). Jadi kerja ringkas, mudah pahtu kena ada kepandaian lah dari segi mengendalikan semua tu. Kena belajar lah.

AW : Apakah brand[jenama] ataupun jenama kegemaran encik untuk menghasilkan lukisan tersebut ?

RS : Saya ni menggunakan pen je, kemudian drawing block[blok lukisan] kemudian saya guna photoshop ah(bunyi motosikal) jadi maknanya saya tidak menggunakan 'photoshop' 100 peratus, ada juga manual tapi saya campur-campur lah gitu[begitu].

AW : Boleh encik nyatakan brand [jenama] pen yang encik selalu gunakan ?

RS : Pen ni dia bertukar-tukar kalau-kalau yang kita suka tu takde lagi di pasaran pun ada. Belum tentu benda tu dia ikut perkembangan semasa, ikut pasaran lah. Tapi pen tu setiap hari tu dia akan muncul yg lagi baik pada yang lepas tu. Kalau dulu masa tahun 80-an[1980], 90-an[1990] dulu menggunakan pen celup pakai ink sekarang ni sudah takde lagi benda tu.

AW : Berapakah bajet atau pun harga untuk pen tersebut ?

RS : Kalau sekarang ni satu pen lima (5) ringgit pun ada, sudah boleh buat dah 5 ringgit. (Bunyi kenderaan)

## **BAHAGIANAN 6- ANUGERAH DAN CABARAN**

AW : Seterusnya, bahagian anugerah dan cabaran, adakah encik pernah menyertai mana-mana pertandingan melukis antarabangsa ?

RS : Saya melibatkan antarabangsa ni sejak tahun berapa lagi, sejak tahun 2000 lagi. Masa duk Kuala Lumpur dulu pernah dianjurkan oleh oleh pusat \_\_\_ Jepun, kemudian saya balik sini saya menganjurkan contest [pertandingan] ni ah pertandingan kartun antarabangsa tu saya melibatkan antarabangsa lah dan di samping saya jadi penganjur, saya juga jadi saya menyertai participant [peserta] setiap kali dianjurkan oleh rakan-rakan kartunis dari luar negara, saya ada masuklah, sebagaimana tadi sebagaimana saya tunjuk tadi, catalog daripada Turki tu, tu tahun lepas tu. Jadi saya masuk. Kemudian, ada yang

dapat hadiah pun ada. Kemudian, oleh kerana saya tu sebagai penganjur di sini, jadi orang pun lantik sebagai juri di peringkat antarabangsa (bunyi kenderaan), tapi semua juri yang saya sertai ini *online*[atas talian]

AW : Adakah encik masih aktif sehingga hari ini dalam melibatkan diri dalam pertandingan melukis antarabangsa tersebut ?

RS : Macam mana ?

AW : Adakah encik masih aktif sehingga hari ini dalam melibatkan diri dalam pertandingan melukis antarabangsa tersebut ?

RS : Ya, ya masih lagi sampai sekarang. Saya masih berhubung dengan antarabangsa cuma agak kurang sedikit kalau berbanding dengan dulu. Sebab bila jadi penganjur jadi sibuk, menjadi penganjur ni lama 3 bulan (bunyi kenderaan) tiap-tiap hari orang hantar masuk dalam 'email' kemudian kita copy [salinan] jadi sepanjang masa ada, dia bukan datang sekaligus, dia datang sikit-sikit jadi rumit lah, jadi ada sedikit kekangan masa untuk melibatkan diri menghantar karya ke peringkat antarabangsa.

AW : Boleh encik nyatakan jenis hadiah yang encik peroleh daripada kemenangan tersebut, adakah berbentuk uang, ataupun sijil ataupun sebaliknya ?

RS : Selalunya dapat uang, apa yang dia nyatakan di situlah, kalau nombor 1 berapa, nombor 2 berapa, saguhati berapa, berpandu dari situlah dapat, ada la pernah dapat bila dianjurkan oleh dalam negeri apa semua, dewan bahasa pun pernah anjur pertandingan komik pertandingan karikatur pernah, jadi pernah dapat lah. (bunyi meja kaca)

AW : Boleh encik nyatakan negara yang encik pernah pergi untuk pertandingan ini ?

RS : Seperti yang saya katakan tadi, pertandingan ini penjurian ini dilakukan secara online[atas talian], jadi bila tiba masanya, penganjur katakanlah daripada Mesir katakanlah dok[kan], nak buat penjurian kemudian dia hantarlah peserta yang dia terima tu kemudian kita bagi markah lah berdasarkan kepada perkiraan kita perhitungan kita, tentang karya itu, kemudian orang lain pun juri lain pun dia buat macam tu jugak, kemudian dia berkumpul lah dia sana, markah tu jumlah tu dia akan kumpul di sana penganjur akan mengira jumlah markah tertinggi di setiap karya untuk mendapat nombor 1, nombor 2.

AW : Pernahkah encik menerima jemputan ke luar negara untuk menghakimi pertandingan melukis, maksudnya bukan secara online[atas talian] ?

RS : Ada, tapi saya tak pergi

AW : Adakah kos yang pergi ke sana tu, kos sendiri ataupun ditaja ?

RS : Kebanyakan di luar negara ni dia besar, dia punya amm bajet dia besarlah dia tidak macam tempat kita yang anjur ni bajet kecik, jadi dia boleh tanggung semualah aaa apa ni juri yang hadir termasuk penginapan, makan minum, macam Turki ni tadi lah sampai dia sanggup buat catalog sampai begini besar. Catalog ni dah berapa kiriman sekarang ni di Malaysia ni kalau setakat ni 100 lebih ni hem..hem..hem. Saya pun tak sanggup dah nak hantar catalog kepada luar negara tu.

AW : Adakah lukisan encik pernah dipamerkan di mana-mana muzium ?

RS : Ada. Di tahun lepas banyok. Sekarang pun ada, sekarang ni di Romania, saya lukis baru tadi saya bagitahu tadi kena tengok dalam video..aaa nih (menunjukkan catalog) dipamer di Romania ha nih. Kemudian dia membuat pertandingan pulok, satu lagi yang ni untuk tahun nih, lukis gambar nih. (bunyi kenderaan). Jemputan-jemputan tradisional-tradisional potret kartun yang. Dia ni seorang penulis juga nih, penulis (bunyi kenderaan). Kita kena hantar saiz A4 atau A3 300 Dpi, email ha nih, dia ni Ainita ni.

AW : Sekiranya.

RS : Jadi saya buat pertandingan pun macam tu nih

AW : Sekiranya tidak mematuhi syarat pertandingan, adakah didiskualifikasi ?

RS : Ye, ye kalau tak nih. Ergh ergh.

AW : Pernahkah encik menerima permintaan lukisan daripada luar negara ? (bunyi kenderaan)

RS : Ada, ada lah ini ini pun dari luar negara juga. Ni daripada Romania.

AW : Pada tahun berapakah permintaan lukisan tersebut ?

RS : Sepanjang masa ada, baru kejam je ada. Ni daripada (menunjukkan catalog) ni peserta yang daripada ramai ! Sabri Yunus, karya kartun Sabri Yunus, ni juri Sabri Yunus, daripada Malaysia, Brazil, jadi cara saya nak hebohkan tu, jadi saya nak buat tu, (mencari gambar dalam catalog)

AW : Apakah cabaran yang dihadapi encik sebagai kartunis yang popular

RS : Cabaran tu, maksud macam mana cabaran ? cabaran.. Cabaran untuk apa?

AW : Seperti persamaan lukisan encik dengan lukisan orang lain, atau, pernah atau tidak encik menerima cabaran tersebut, atau menerima kritikan terhadap lukisan encik ?

RS : Macam tu, macam tu ada la sekali-sekali, tapi takdok[tiada] tak jadi masalah tu, bukan.. bukan satu masalah besar, pah sor lagi, kita.. jadi kartunis tu cabaran macam tu tu takde sebenarnya, cabaran kita tu, kalau kita kritik orang tu jangan orang saman sudahlah. Ha tu yang cabarannya, hem hem kalau dalam mahkamah naya. Ha tulah kita kena elak yang itu aja yang lain takde apa. Bukan satu cabaran, cabarannya itu lah. Kita mesti berani menghadapi saman, (bunyi lori) kalau kita buat kartun tu tentang seorang pemimpin dok (bunyi kenderaan) kemudian pemimpin tu cuba saman kita, ha tu ha tu cabarannya. Tapi takde apa-apa, sebab kita setiap pelukis tu (bunyi motosikal) ada..ada apa tu ada pantang larang dia, kita lukis kartun tu, walau macam mana pun rupa seseorang tu, rupa PM[Perdana Menteri] katakanlah, tetapi dalam mahkamah kita boleh pertahan, sekarang ini kita lukisan kartun, bukannya sama dengan rupa dia. Ha macam tu. Jadi benda-benda tu takde takde apa-apa. Cabaran tu takde apa. (bunyi motosikal)

AW : Bagaimanakah encik..

RS : Cabaran tu kalau orang tak bayar tu bolehlah. Ha lukis-lukis orang tak bayar tu biasalah. (berdehem)

AW : Bagaimana encik terus kekal bersikap positif terhadap persekitaran dan cabaran sebagai seorang kartunis yang berjaya ?

RS : Macam mana eh ? (berdehem)

AW : Bagaimana encik terus kekal bersikap positif terhadap persekitaran ?

RS : Dia dia lah, dia kalau kartunis tu mesti ada ilmu tulah, ilmu dapat memahami persekitaran, supaya (berdehem) supaya memudahkan kita melukis, orang tidak marah tapi ada kesan dia kepada masyarakat, err bila orang melihat kartun tu, dia boleh mengingatkan dia kesilapan dia tu, jadi kemudian dia berubah setelah dia melihat kita kartun tu, walaupun dia tidak cerita kepada kita, saya berubah setelah melihat kartun anda dok, tapi sekurang-kurangnya bila apa dia melihat kartun kita tu, arti dia berubah oh betul ini, tu kira dapat memahami persekitaran yang baik dan berjaya, tulah.

AW : Baiklah mengenai sumbangan, adakah encik pernah berkhidmat untuk mana-mana muzium di Malaysia ?

RS : Muzium seni tu muzium apa ye ?

AW : Selain daripada galeri encik sendiri ?

RS : Em. Adala dengan muzium negeri Kelantan pun ada. Tapi nak tulis macam mana tu, ada dengan muzium negeri Kelantan, kerjasama begitu adala rakan strategi ke nama apa orang panggil. Ha rakan strategi ada lah, dengan UMK [Universiti Malaysia Kelantan] pun ada, bahagian teknologi. Ada sijil pun ada.



AW : Seperti yang encik ceritakan tadi, encik pernah bekerjasama dengan UMK[Universiti Malaysia Kelantan], berapa tahunkah perkhidmatan encik dengan UMK[Universiti Malaysia Kelantan] itu ?

RS : Kalau saya tengok dalam pada tarikh tu selalu dia bagi tiga (3)tahun, tiga (3)tahun tak tahulah mati ke tidak. Begitu juga dengan, dengan apa muzium mana-mana tiga tahun, pastu kalau dia nak, dia sambung balik begitulah.

AW : Adakah encik pernah berkongsi karya encik di pemarkaran dunia, seperti “Non-fungible token” (Nft)?

RS : Hm ? Ha tuh ada-ada. Ada-ada. Nft ada ? Ada.

AW : Boleh encik ceritakan lebih lanjut ?

RS : Ada la daripada Kuala Lumpur tu ‘Nft’ apa nama saya lupa apa nama dah. Mari sini kemudian dia lancar sini saya letak dia tu. Tapi takde[tak ada] apa-apa manfaat pun. Em takde apa *munafaat* [manfaat]. Isu teknologi saya pun tak berapa nak faham.

AW : Apakah tema karya encik yang dikongsikan di platform itu ?

RS : Belbagai-bagai. Hm saya ni pasal saya ni berbagai-bagai tema semua ada kalau nak pilih beratus- ratus beribu-ribu eh. Pilihlah mana satu nok tema pun boleh. Kemudian sebahagian daripada kartun saya tu, saya serah kepada perpustakaan negara pun ada, seribu lima ratus (1500) keping saya serah kepada perpustakaan negara untuk simpanan negara.

AW : Boleh encik kongsi sedikit karya encik, sedikit karya tema encik ?

RS : Macam mana ?

AW : Karya tema encik, seperti tradisional Melayu Kelantan, atau bagaimana?

RS : Saya ni berbagai-bagai tema, tapi yang paling utama sekarang ni, dulu la, kerja surat khabar, politik saya tu, editorior kartunis ni dia haa, editorior kartunis tu memang politik lah jadi politik semasa politik. Yang berlaku di negara kita dan luar negara, ha itu la yang fokus saya tu tang tu je. Walaupun benda lain saya boleh buat, ada juga saya buat, tapi yang utama sekali yang politik tu. Bagaimana yang, yang apa di negara kita ni, tema dia tema politik lah. So ini yang peringkat dunia ni, dia tidak tema politik, walaupun ada juga tema politik, tapi dia lebih kepada sosial kritik.

AW : Boleh encik ceritakan sedikit mengenai tujuan tema yang encik kongsi?

- RS : Yelah. Tema politik itu kita nak mengkritik, mengkritik tokoh-tokoh tertentu dalam politik, yang kita rasa harus dikritik, jadi kita buat lah kartun (buka buku) sebagaimana ha macam ni, ha kartun-kartun isu semasa antara tahun 2018-2021. Ha macam tu ha. Tema ni tema politik semua(menunjukkan buku lukisan). Kalau yang sebelum ni pun, (bunyi kenderaan) memang politik juga, macam ni pun. Tapi yang ni ada kurang sikit ha begitu. Tapi lebih kepada sosial, sosial kritik. Ehem (susun kertas)
- AW : Seperti yang dikongsikan, saya melihat encik juga bukan seorang kartunis, tetapi juga mengeluarkan buku tentang kartun. Boleh saya tahu, berapakah jumlah buku yang telah encik terbitkan, sepanjang perkhidmatan encik dalam bidang ini ?
- RS : Jumlah sebenar tu saya pun dah lupa, tapi ada saya tak pernah, hitung berapa lebih kurang dua puluh (20), tiga puluh (30) ada la begitu. Selain daripada kartunis ada buku yang buku cerita pun ada. Macam-macam jenis buku, bukan kartun saja la, buku lain pun ada. (bunyi motosikal)
- AW : Apakah karya encik ataupun buku yang mendapat sambutan ramai ? (bunyi kenderaan)

RS : Ada juga yang tengok-tengok sambutan sebenar tengok kepada penerbit je, kalau ehem kalau iklan tu lebih sikit orang tahu, ha tu baru adaambutannya. Jadi, saya ni yang terakhir ni lah, ehem saya terbit sendiri ni dalam keadaan bukan jual di pasaran, (bunyi kenderaan) maknanya bukan jual di pasaran, tak buka dah di kedai-kedai buku takde sekarang ni pun, di kedai buku tu orang tak berapa nak baca dah, jadi saya jual melalui online, 'shopee' apa semua, macam tulah. Berbeza dengan dulu, dulu memang jual di kedai buku. Jadi, nak kata mana yang terbaik tu susah lah. Berdasarkan kepada bagaimana kita memasarkan, tulah kalau kita pasarkan cara yang baik, ha bagus lah. Yang kedua, tengok keadaan semasa, sekarang ni industri buku apa semua ni, jatuh. Bagaimana kita nak naik.(bunyi kenderaan) Saya terbit sebagai *tokomen* je. (bunyi kenderaan)

AW : Pernahkan encik diwawancara oleh agensi televisyen ?

RS : Ha memang ada. Rtm[Radio Televisyen Malaysia] pun ada, mari sini pun ada, Rtm[Radio Televisyen Malaysia]. Kebanyakan kalau kita nak buat pameran antarabangsa tu bagitahu kat pihak media kan, dia mari dia interview la. (bunyi kenderaan)

AW : Adakah 'Pen, Dakwat dan Kertas' itu karya encik ?

RS : Yang mana eh?

AW : “Pen, Dakwat dan Kertas” ?

RS : Ha itu biografi saya tu. Biografi saya. Tu lama dah tu. Daripada mana tahu tu ?

AW : ‘Google’.

RS : Tu lama tu. Hem

#### **BAHAGIAN 7-HARAPAN**

AW : Baiklah, pada bahagian terakhir ini, iaitu harapan. Pada pendapat encik, perlukah lukisan kartun ini menjadi salah satu subjek di universiti

RS : Hm, macam mana ?

AW : Perlukah lukisan kartun ini menjadi salah satu subjek di universiti ataupun sekolah ?

RS : Ha sepatutnya macam tulah. Sepatutnya pihak kementerian pendidikan (bunyi kenderaan) ha apa, membagi pendedahan kartun kepada pelajar-pelajar ataupun bukak satu fakulti apa kursus tentang pembelajaran kartun sebab rasanya tidak adil jugalah kalau bidang lain seni halus, catan apa, ada diajar di sekolah, tapi kartun tidak diajar di sekolah, melainkan animasi, (bunyi kenderaan) animasi tu berbeza sebenarnya, karikatur, patut diajar di sekolah bagaimana (bunyi hon lori) untuk karikatur sebab, ha seorang karikaturis tu sekarang ni di Malaysia ni boleh cari makan, ada pendapatan, (bunyi kenderaan) ada peminat dia, dia pergi duduk di supermarket, ataupun tempat-tempat lapangan, tempat-tempat orang ramai, tumpuan orang ramai, dia boleh cari makan dengan, dengan melukis karikatur. Pengunjung yang datang, tengok di Kelantan pun bagus, di Kuala Lumpur lagi bagus ha duduk tepi jalan pun ada dia lukis karikatur, dua puluh lima ringgit (RM25) sekeping, tiga puluh (30) sekeping. Lukis dalam masa dua puluh lima (25) minit je. Hm jadi patutnya, pihak kementerian pendidikan ni, kena adakan, wujudkan kelas atau pengajian tentang bagaimana buat karikatur. (bunyi motosikal)

AW : Apakah kriteria yang perlu ada dalam diri seseorang bagi membuat lukisan yang cantik ?

RS : Saya ni, lukisan yang cantik ni atas kemahiran kita, berapa lama kita melukis. Berapa lama kita melukis. Kalau kita melukis dua tiga hari, baru nak cantik memang tak jadi. Yang kedua, kita kena melukis sepanjang masa, untuk mendapatkan gaya yang baik yang cantik, kena melukis sepanjang masa, dia tak leh berhenti. (bunyi motosikal) Karya seni ni, baik melukis ke baik apa pun, baik penulis ke, ha kalau kita tinggal sebulan pun nak melukis balik susah dah. Walaupun kita hari-hari macam saya ni, setiap hari daripada kecil

sampai sekarang, ha melukis kartun. Tapi bila tinggal sebulan je, tangan pun jadi berat apa semua berat. Jadi kena sepanjang masa, ha dia takde cara dah bagaimana nak cantikkan lukisan ni. Melainkan kita buat berterusan barulah dapat hasil yang terbaik. (bunyi kenderaan)

AW : Adakah encik juga berharap anak-anak encik melibatkan diri dalam bidang ini ?

RS : Hm anak-anak ni seperti orang lain juga la. Ada yang boleh melukis dengan baik, tapi tentang idea tak dapat, takleh ketengahkan juga lah. Jadi, dia bergantung dengan minat, minat yang mendalam tentang bidang ini. Kalau bo [setakat] setakat, anak-anak nak main-main begini tak boleh, tak boleh lagu tu [macam itu], tak boleh cari makan. Setakat main-main melukis tu tak boleh. Tu melukis ni dia kena serta dengan idea. Takde idea, tak boleh. Ni kalau kita nak buat wajah seseorang pun, hah tangan dekat duk mana, tu pun idea juga tu. Kalau tidak jadi kaku, tu kena yang pertama kena ada kerajinan, rajin tambahan rajin barulah dapat. Anak-anak pun lagutu [macam itu] susah anak-anak, nak dapat nak ikut jejak kita jadi pelukis, susah.

AW : Siapakah yang bakal meneruskan legasi encik ini ?

RS : Ha, itu yang satu pertanyaan yang susah nak jawab tu. Ha hah hah, hem hem siapa yang ambil alih balai kartun pun saya tak tahu, ha jadi benda ni, susah dak [tak] ? Susah. Pasal anak-anak ni belum tentu, anak-anak tu dia hidup di zaman lain pulak. Kita tak boleh nk cover [tutup] yang tu, tak boleh. (bunyi kenderaan)

AW : Minat sahaja tidak mencukupi, ia perlu ada usaha untuk pandai, pernahkah encik terlintas untuk membuka kelas melukis untuk anak muda ?

RSR : Memang ada sini. Ada sepanjang masa ni melukis (bunyi motosikal). Tiap-tiap bulan ada sini melukis. Tetapi kadang-kadang tu, melukis watercolor [warna air], macam-macam lah tidak kata lukis kartun saja, ada yang rombongan, orang pencen pun ada datang melukis (bunyi kenderaan) ada sepanjang masa, kat sini ah.

AW : Adakah encik sendiri yang mengajar ?

RS : Ada macam-macam ada. Orang lain pun ada. Tengok bidang masing-masing lah. Kalau kartun tu saya lah. Tengok pelajaran haritu, hari apa, hari melukis *watercolor* [warna air], *watercolor* [warna air] lah. Ataupun kalau tidak di sini pun, dia pergi kat lain, di tempat-tempat peranginan mana, baruni pergi ke Dabong, melukis di Dabong, tidur sana.

AW : Berapakah bayaran yang dikenakan untuk kelas melukis ini ?



RS : Tak banyak. Orang bagi ambil RM50.

AW : Adakah setiap sesi, ataupun setahun bagaimana ?

RS : Tak, tak. Sekali sekali saja. (bunyi kaca)

AW : Pada zaman kini, kebanyakan anak muda juga meminati kartun, pada pendapat encik, bagaimanakah cara encik mempromosikan lukisan encik untuk menarik minat anak muda ? (bunyi kenderaan)

RS : Hmm jadi, hm hm. Kita melalui sekarang ni, banyak orang buat kartun ni zaman, zaman media cetak merosot ni, (bunyi kenderaan) surat khabar pun merosot, tak laku, majalah pun tak laku. Jadi orang sekarang ni melukis melalui 'facebook' laa, hem hem hem 'facebook', jadi facebook sebenarnya tak dapat duit. Tetapi, err ada jugak bila orang berkenan kepada karya kita tu, yang kita masuk dalam 'facebook' tu, dia akan hubungi kita, "Uih, bagus! Saya belilah." Haa tapi ada juga, ataupun kalau dia tak suka macam tu, ikut dia nak. Ha jadi ada juga lah macam tu. (bunyi kenderaan) Ada lagi ke ?

AW : Berapakah lingkungan umur untuk mempelajari lukisan ini ?

RS : Hm?

- AW : Berapakah lingkungan umur untuk menghadiri kelas lukisan ini ?
- RS : Tak pernah, tak pernah tetapkan umur. Ikut mari lah, orang tua boleh hem hem. (bunyi meja kaca dan suara orang luar) Hem hem (berdehem) .  
(menunjukkan buku)
- Macam ni lah, yang popular tahun 80-an[1980], 90-an[1990], di Utusan Malaysia.
- AW : Jadi buku ini dihasilkan oleh encik sendiri atau ada kerjasama daripada orang lain ?
- RS : Apa dia ?
- AW : Buku ni ? (Sambil tunjuk ke buku)
- RS : Takdelah [tak ada lah], saya terbit sendiri. Balai kartun terbit.
- AW : Apakah hasrat encik terhadap bidang lukisan kartun ini, supaya dapat dikekalkan, supaya tidak hilang ditelan zaman ?
- RS : Macam mana ?

AW : Apakah hasrat encik terhadap bidang lukisan kartun ini, supaya dikekalkan ?

RS : Kartun ni sebenarnya tidak akan hilang, di dunia nih. Selagi manusia ada ni, manusia ni memang suka kepada, humor[jenaka], suka kepada benda yang lucu, jadi salah satu, haa satu alat untuk merakamkan kelucuan, untuk menimbulkan kelucuan tu, yelah melalui kartun, jadi maknanya kartun ni tidak akan hilang, walaupun datang teknologi baru apa semua tu, cuma mungkin persembahan tu berbeza lah, (bunyi kenderaan) kalau sekarang ni kartun (bunyi kenderaan) kartun kebanyakan ni masukkan dalam 'facebook' tu campur animasi, macam-macam lah. Tapi kartun tu tetap hidup, tetap berfungsi sebagai menyampaikan maklumat (bunyi kenderaan) menyampaikan mesej tertentu kepada masyarakat. Ehem ehem ehem.

AW : Apakah harapan encik terhadap anak muda sekarang ?

RS : Yelah. Zaman generasi sekarang ni, generasi yang bergantung sepenuhnya kepada apa, kepada digital *dok* [tak] ? Tentang apa, facebook, twitter dan sebagainya. Jadi kartun pun harus ikut rentak tulah, selalu melalui media, media baru, kalau dulu melalui media cetak, sekarang ni media baru.(bunyi kenderaan) Ha jadi maknanya, kartun tu tetap hidup, tetap berperanan jugak untuk menyampaikan mesej kepada masyarakat, cuma berbeza ehem, berbeza cara berbeza kaedah, kalau dulu melalui media cetak, sekarang ni melalui 'facebook', media baru.

AW : Adakah encik mempunyai apa-apa pesanan untuk orang luar, untuk orang ramai ?

RS : Yang nak lukis kartun tu, kena belajar kena tekun, ada mesej yang kita nak sampaikan . Ha jangan secara sembarangan, yang tak tahu hujung pangkal mana. Tapi ada mesej. Jadi, anak-anak muda harus ambil berat lah tentang tu. Setiap yang jadi kartunis tu, mestilah bersedia untuk belajar, bersedia untuk menerima teguran daripada rakan-rakan, kartunis lama apa semua. Kalau tidak, susah jugak.

AW : Penutup

Dengan ini berakhirlah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan Rosidi Semail di sepanjang perkhidmatan beliau sebagai seniman berjaya yang mahir dalam lukisan kartun. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Diharapkan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang warisan ini iaitu lukisan kartun pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

RS : Terima kasih. Balai kartun juga merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada pelajar daripada UiTM, kepada pensyarah mereka yang meminta datang ke sini, untuk menemu bual saya sebagai pengurus Balai Kartun Rossem, sekaligus sebagai kartunis haa, yang kira senior di Malaysia, kemudian semoga apa-apa juga saranan, (bunyi kenderaan) pendapat, idea-idea ataupun, butiran yang saya berikan ini bermanfaat untuk pembelajaran dan kalau salah silap tu saya minta maaf. Sekian, terima kasih

AW : Terima kasih Encik Rosidi Semail atas kerjasama beliau.

### 3.0 Rujukan

Hizami (17 May 2015) Apa itu Seni Tampak

<http://cikguhizamiseni.blogspot.com/2015/05/definisi-pendidikan-seni.html?m=1>

M. Prawiro. (Januari, 2023). Pengertian Seni: Fungsi, Tujuan, dan Macam-Macam Seni

<https://www.maxmanroe.com/vid/umum/pengertian-seni.html>

Thpanorama. 6 Jenis lukisan artistik yang paling biasa.

<https://ms.thpanorama.com/articles/arte/los-6-tipos-de-dibujo-artstico-ms-comunes.html>

Maksud Seni (2010, March 28). Seni & Pendidikan.

<https://psvisual.wordpress.com/2010/03/28/maksud-seni/>

## LOG WAWANCARA

Nurshahirah dan Nur Awatif menemubual Rosidi Semail,, yang dilahirkan pada 1948, di Kelantan. Temubual ini dijalankan di ‘Balai Kartun Rossem’, Kampung Peringat, Kota Bharu, Kelantan, mengenai pengalaman beliau sebagai seorang kartunis.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
<b>BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG</b>		
00:00:51	Nama	Nama diberi Rosidi Semail tapi disingkatkan menjadi “rossem”. Dalam bahasa arab rossem bermaksud pelukis tapi itu hanya kebetulan sahaja.
00:02:21	Umur	dilahirkan pada tahun 1948 sebelum merdeka dan sekarang berumur 74 tahun.
00:02:32	Hobi	Melukis merupakan hobi utama
00:03:53	Dimana dibesarkan	Dibesarkan di Kampung Peringat juga cuma berlainan kawasan rumah. Rumah yang didiami sekarang merupakan rumah baru.
00:04:08	Nama ibu dan bapa	Nama bapa Haji Semail dan ibu bernama Hajah Kalsom
00:04:29	Pekerjaan ibu dan bapa	Bekerja sebagai petani dan pekebun sahaja sewaktu sebelum dan selepas merdeka.
00:05:10	Bilangan adik-beradik	Mempunyai 5 orang adik beradik termasuk diri beliau.
00:05:49	Mengenai adik-beradik	Mempunyai 4 orang adik-beradik perempuan dan hanya beliau sahaja lelaki.
00:09:24	Bilangan anak	Mempunyai 8 orang anak.

00:10:26	Mengenai anak	Anak pertama sudah berkahwin dan beliau sudah menjadi seorang datuk. Cucu beliau juga merupakan alumni Uitm Machang.
<b>BAHAGIAN 2: PENDIDIKAN</b>		
00:11:19	Mengenai pendidikan	Beliau belajar sampai tahap sekolah menengah dan setelah bekerja beliau sambung pelajaran dengan mengambil diploma bidang grafik.
00:11:37	Bidang grafik dan bidang seni	Beliau mengambil diploma grafik swasta tapi swasta dan kerajaan sama sahaja.
00:12:27	Bagaimana ke sekolah	Beliau ke sekolah ketika sekolah menengah kolej dengan menaiki bas dan mengambil masa selama 30 minit untuk sampai kesana.
00:14:15	Menanggung sendiri atau dapat biasiswa	Disebabkan diplamanya berkaitan dengan kerja, beliau mendapat tajaan kerajaan sepanjang pembelajarannya.
	Subjek yang diminati	Subjek seni merupakan subjek yang diminati kerana bagi beliau seni itu mudah kerana adanya minat.
00:14:34	Kelab seni	Kelab seni pada waktu itu belum wujud lagi.
00:17:47	Menyertai pertandingan	Pernah menulis majalah waktu darjah satu dan tulisan beliau telah diterbitkan dalam majalah penerbitan terkenal waktu itu.
00:19:25	Pengalaman pahit dan manis	Sekolah menengah waktu itu terlalu sedikit dan yang paling dekat berada di Kota Bharu dan untuk kesana beliau terpaksa menaiki bas.
00:22:12	Berapa minit ntuk ke sekolah	Mengambil masa selama setengah jam untuk ke sekolah menengah kolej SIC (Sultan Ismail College)

00:23:09	Cabaran sewaktu sekolah	Tiada cabaran.
<b>BAHAGIAN 3 : PEKERJAAN AWAL</b>		
00:23:19	Pekerjaan awal	Beliau menyertai pasukan polis pada 16 Jun setelah beberapa minggu berlakunya tragedi 13 Mei.
00:26:40	Gaji sewaktu polis	Gaji pada waktu itu hanya 400-500 ringgit sahaja tapi ianya sesuai dengan keadaan ekonomi waktu itu.
00:29:53	Pangkat	Beliau bersara pada pangkat sarjan tetapi bersara atas pilihan sendiri pada umur 45tahun.
00:32:28	Cabaran dan kesusahan sewaktu seorang penerbitan	Perlu pergi ke beberapa tempat seperti Sabah dan Sarawak untuk menyiapkan majalah, akhbar dan buletin. Menulis cerita tentang pahlawan polis di Sarawak pada zaman komunis, masuk ke pedalaman hutan ke rumah panjang di Sarawak merupakan antara pengalaman beliau. Banyak cabaran tetapi menyeronokkan.
00:33:03	Perjalanan bersama polis atau sendiri	Setiap perjalanan yang dilalui ke sesuatu tempat itu bersama-sama dengan anggota polis menaiki kenderaan khas yang disediakan
<b>BAHAGIAN 4 : PEKERJAAN KARTUN</b>		
00:26:41	Melibatkan diri dalam bidang lukisan	Melibatkan diri dengan melukis sejak dari muda lagi dan bermula di kampung-kampung.
00:29:45	Pekerjaan sebagai seorang pelukis	Bermula melibatkan diri dalam bidang lukisan sepenuhnya setelah menyertai anggota polis dan ditempatkan di



		cawangan penerbitan yang mana terlibat dengan fotografi.
00:33:02	Tunjuk ajar	Tiada siapa yang memberi tunjuk ajar dan belajar melalui pemerhatian daripada karya-karya orang lain. Fokuskan bagaimana mencari idea, dialog dan apa-apa berkaitan dengan kartun tersebut. Idea tu penting kartun nombor 2 tapi walau bagaimanapun idea dan kartun perlu seiring.
00:38:25	Dorongan dan sokongan	Dorongan dan sokongan itu berasal dari kemahuan dan keinginan diri sendiri. Terlebih lagi orang yang menjadikan bidang ini sebagai tempat mencari nafkah.
00:41:08	Idola	Beliau banyak dipengaruhi oleh Allahyarham Rajadhab khususnya cara menyampaikan mesej kepada rakyat dan idea-idea juga banyak dipengaruhi oleh beliau.
00:44:13	Persamaan lukisan	Jika terdapat kesamaan dengan lukisan orang lain, kemungkinan untuk jatuh identiti itu besar dan kemungkinan juga jatuh nilai lukisan.
00:45:27	Persatuan atau kelab	Pernah ditubuhkan persatuan untuk melukis yang mengumpulkan kartunis yang berpusat di Kuala Lumpur. Tapi sekarang sudah berkembang melalui galeri, balai kartun dan sebagainya.
00:47:41	Tahun ditubuhkan	Balai Kartun Rossem atau BKR ditubuhkan pada 2014.

00:47:55	Persendirian atau sewa	Diwujudkan secara persendirian. Balai kartun ini diwujudkan untuk memberi semangat pada kartunis-kartunis yang baru mencoretkan bakat dalam bidang ini.
00:52:26	Tulisan jawi	Tulisan jawi sudah wujud pada zaman dahulu lagi tapi setelah kehadiran komunis dan inggeris, bahasa jawi ditukarkan kepada rumi dan bermula lah penggunaan bahasa rumi dalam rutin harian.
00:53:36	Tempahan besar	Mendapat banyak tempahan, untuk orang kawin, potret untuk perasmian majlis, cenderahati dan banyak lagi
00:55:51	Kos untuk potret	Kos untuk sebuah lukisan bergantung atas lukisan tersebut seperti bahan digunakan, saiz lukisan dan lain-lain
00:56:36	Kolaborasi	Tidak pernah berkolaborasi dalam menyiapkan lukisan. Jika ada lebih permintaan, lukisan tu akan diberi kepada kawan untuk menyiapkannya khususnya kawan yang membuat bidang ini sebagai hasil wang pencarian.
00:58:08	Tempoh masa	2 hingga 3 jam tempoh masa bagi menyiapkan sebuah lukisan seperti A3.
00:58:43	Melakar lukisan	Lukisan tersebut perlu dilakar terlebih dahulu menggunakan pensil. Jika lakaran menggunakan pensil tersebut tidak menjadi, kemungkinan lukisan itu juga tidak menjadi.
00:59:16	Tajaan dan sponsor	Untuk mengadakan sesuatu pertandingan, perlu lah kepada sponsor yang mana

		menyumbang kepada hadiah, tempat atau sebagainya
01:03:32	Tempoh masa untuk pertandingan	Tempoh masa untuk menyiapkan lukisan dalam setiap pertandingan selalunya 3bulan.
01:07:24	Sumbangan untuk pengadil	Sumbangan untuk pengadil di setiap pertandingan melukis ialah tidak menentu.
<b>BAHAGIAN 5 : LUKISAN KARTUN</b>		
01:07:38	Keunikan bidang lukisan ini	Berdiri sendiri. Tidak ada persamaan dengan seni lukis lain. Kartun ada tujuan untuk menegur, hantar mesej kepada umum. Sebagai media, propaganda, menegur dan mengkritik, bukan sahaja kelucuan.
01:09:08	Bahagian kartun yang sukar dilukis	Tiada yang rumit. Masalah mencari idea lagi rumit dari lukis bahagian.
01:10:26	Jenis lukisan yang dilukis	Berdasarkan tema yang hendak diketengahkan. Tujuan tema yang dilukis.
01:11:53	Melihat kartun di televisyen untuk mendapatkan idea	Melalui pemerhatian kepada sesuatu, kepada masyarakat, kehidupan harini. Perit peniaga-peniaga untuk mendapatkan pelanggan. Perlu memiliki pengetahuan yang luas.
01:13:05	Jenis buku untuk mendapatkan idea	Berdasarkan tema yang ingin dilukis, baca buku budaya jika ingin lukis tema budaya. Melalui pemerhatian dan pembacaan. Melihat berita semasa dan masyarakat.
01:14:53	Kesulitan dalam melukis	Jangan separuh jalan. Mesti tekad. Mesti berusaha sedaya upaya. Gagal sekali buat lagi. Jangan berputus asa.

01:17:10	Emosi terganggu semasa kerja	Takde. Kerana ini kerja. Kena elak dari emosi dan stres. Ikut tarikh yang ditetapkan.
01:19:17	Sekiranya lukisan tidak sempat diserahkan	Ada masa untuk baiki.
01:20:33	Bahan yang diperlukan untuk melukis	Dulu, guna cara manual. Tapi sekarang untuk mencantikkan, boleh guna 'photoshop'. Kerja ringkas, mudah dan kepandaian.
01:21:50	Jenama kegemaran	Pen, blok lukisan dan photoshop. Campur-campur.
01:22:22	Jenama pen yang selalu guna	Bertukar-tukar, kalau yang suka tu kadang dah tak ada di pasaran. Dulu pakai pen celup.
01:23:10	Berapa bajet untuk pen	RM5
<b>BAHAGIAN 6 : ANUGERAH DAN CABARAN</b>		
01:23:36	Pertandingan antarabangsa melukis	Sejak tahun 2000. Menganjurkan pertandingan antarabangsa. Menjadi penganjur, juri dan sebagai peserta. Juri atas talian.
01:25:21	Masih aktif hingga harini dalam pertandingan antarabangsa melukis	Kurang berbanding dulu. Ada sepanjang masa. Tapi ada kekangan.
01:26:30	Jenis hadiah yang diperoleh daripada pertandingan	Dapat wang, berpandu yang dinyatakan. Dewan bahasa pernah menganjur pertandingan karikatur.
01:27:16	Negara yang pernah pergi untuk pertandingan melukis	Secara atas talian. Menghantar lukisan dalam talian. Juri lain juga hantar markah dan penganjur akan mengira markah tertinggi bagi setiap karya.

01:28:48	Jemputan ke luar negara untuk menghakimi pertandingan melukis	Tidak pergi ke sana.
01:29:11	Kos ke luar negara	Boleh tanggung semua, juri yang hadir, penginapan, makan dan minum. Turki sanggup buat catalog.
01:30:09	Lukisan dipamerkan di muzium	Dipamerkan di Romania.
01:31:48	Sekiranya tidak mematuhi syarat pertandingan	Diskualifikasi
01:32:01	Pernahkah menerima permintaan lukisan dari luar negara	Ada. Romania.
01:32:14	Tahun berapa permintaan lukisan tersebut	Sepanjang masa ada.
01:33:50	Cabaran yang dihadapi sepanjang perkhidmatan sebagai kartuni yang popular	Ada sekali sekala. Kalau kritik orang, jangan sampai kena saman. Mesti berani hadapi saman. Tak bayar lukisan.
01:36:41	Bagaimana terus kekal bersikap positif terhadap persekitaran	Mesti ada ilmu dapat memahami persekitaran.
01:38:07	Adakah pernah berkhidmat untuk muzium seni di Malaysia	Muzium negeri Kelantan. Rakan strategi dengan UMK.
01:39:01	Berapa tahun perkhidmatan dengan UMK	3 tahun.
01:39:37	Berkongsi karya di pemarkaran dunia	Nft (Non-fungible token)
01:40: 21	Apakah tema karya di platform itu	Berbagai-bagai. Ratus-ratus ribu. Sebahagian serah kepada perpustakaan negara. 1500 keping untuk simpanan negara.
01:40:58	Perkongsi tema lukisan	Dulu politik semasa dalam dan luar negara. Sosial kritik dan lain-lain.

01:42:33	Tujuan tema yang encik kongsikan	Mengkritik tokoh-tokoh tertentu yang harus dikritik.
01:43:58	Mengeluarkan buku tentang kartun	Jumlah tidak pasti. Lebih kurang 30. Selain kartun, buku cerita ada dan sebagainya.
01:44:50	Karya atau buku yang mendapat sambutan ramai	Tengok kepada penerbit. Kalau iklan lebih sikit, banyak sambutan. Sekarang jual atas talian, di 'Shopee'. Jika pasar secara yang baik.
01:46: 21	Pernah atau tidak diwawancara oleh pihak televisyen	Ada. Rtm. Kalau nak buat pameran antarabangsa, panggil pihak media.
01: 46: 54	Adakah cerita kartun 'Pen, Dakwat dan Kertas' itu karya encik	Biografi En.Rosidi.
<b>BAHAGIAN 7 : HARAPAN</b>		
01: 47: 28	Perlu lukisan kartun ini menjadi salah satu subiek di universiti.	Pihak kementerian mesti wujudkan kelas pengajian khas untuk karikatur kerana ia boleh menjadi satu pekerjaan dan mendapat pendapatan, ada peminat dia, di tempat orang ramai.
01: 49 : 40	Kriteria yang perlu ada dalam diri seseorang bagi membuat lukisan yang cantik.	Berdasarkan kemahiran. Berapa lama kita melukis. Harus melukis sepanjang masa untuk mendapatkan gaya yang baik. Bila tinggal sebulan saja, tangan pun jadi berat nak melukis.
01 : 51 : 10	Harapan agar anak-anak encik melibatkan diri dalam bidang ini.	Anak-anak ni seperti orang lain juga. Ada yang pandai melukis, ada yang tak pandai. Kemudian, dia bergantung pada minat. Kalau main-main tak boleh dapat duit. Minat juga beserta dengan idea.
01: 52 : 34	Siapa yang bakal meneruskan legasi encik ini.	Saya pun tak tahu siapa yang bakal meneruskan balai kartun Rossem ini.

		Anak-anak ni belum tentu, kerana dia hidup di zaman lain.
01: 53: 23	Pernahkah encik terlintas untuk membuka kelas melukis untuk anak muda.	Memang ada di sini. Ada sepanjang masa. Tiap-tiap bulan ada. Kadang-kadang lukis guna warna air. Macam-macam lukis bukan kartun saja. Orang pencen pun ada datang.
01: 54 : 00	Adakah encik sendiri yang mengajar.	Macam-macam ada. Orang lain pun ada. Tengok bidang masing-masing. Kalau kartun tu saya. Tengok pelajaran apa berdasarkan hari tersebut. Kalau tak buat di sini pun, buat di tempat peranginan. Baru-baru ini di Dabong.
01: 54: 42	Bayaran yang dikenakan untuk kelas melukis.	RM50 satu kelas.
01: 55: 03	Bagaimana cara encik mempromosikan lukisan untuk menarik minat anak muda.	Zaman sekarang ni, media cetak ni merosot, surat khabar pun merosot. Majalah pun tak laku. Orang sekarang melukis melalui 'facebook'. Ada yang beli lukisan dari sana.
01: 58: 16	Hasrat encik terhadap bidang lukisan kartun ini supaya dapat dikekalkan.	Kartun ni sebenarnya tidak akan hilang, di dunia nih. Selagi manusia ada ni, manusia ni memang suka kepada, humor, suka kepada benda yang lucu, jadi salah satu, satu alat untuk merakamkan kelucuan, untuk menimbulkan kelucuan tu, melalui kartun, jadi maknanya kartun ni tidak akan hilang, walaupun datang teknologi baru, cuma mungkin persembahan tu berbeza lah,

		<p>kalau sekarang ni kartun kartun kebanyakan ni masukkan dalam "facebook' tu campur animasi, macam-macam lah. Tapi kartun tetap hidup, tetap berfungsi sebagai menyampaikan maklumat menyampaikan mesej tertentu kepada masyarakat.</p>
1: 59: 48	Harapan encik terhadap anak muda zaman sekarang.	<p>Sekarang zaman digital, twitter, facebook dan sebagainya. Jadi, kartun juga harus ikut rentak. Kartun tetap hidup dan berperanan untuk menyampaikan mesej kepada masyarakat. Tetapi hanya berbeza kaedah, kalau dulu melalui media cetak, sekarang facebook.</p>
02: 00 : 59	Pesanan untuk orang ramai, orang luar.	<p>Kepada sesiapa yang ingin melukis, kena tekun. Mesti ada mesej yang ingin disampaikan. Setiap yang jadi kartunis tu, mestilah bersedia untuk belajar, bersedia untuk menerima teguran daripada rakan-rakan, kartunis lama.</p>

## DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
12.30 tengahari	5 Januari 2023	<u>Panggilan Telefon.</u>	Membuat persediaan soalan-soalan temubual dan



		Membuat panggilan telefon untuk kali pertama. Panggilan dibuat adalah bertujuan untuk memohon keizinan bagi membuat temubual dengannya.	membuat pencarian maklumat sedikit sebanyak mengenai tokoh seorang kartunis.
10.00 pagi	6 Januari 2023	<u>Menetapkan Tarikh dan Tempat</u>  Panggilan telefon kali kedua untuk menetapkan tarikh dan tempat temubual dan kedua-dua pihak bersetuju.	Berbincang dengan tokoh untuk bertemu mengenai tarikh dan tempat yang sesuai untuk temubual. Tokoh bersetuju untuk ditemubual pada 7 Januari 2023 bersamaan dengan hari Sabtu.
2.30 Petang	7 Januari 2023	<u>Temubual</u>  Temubual yang telah dijalankan di 'Balai Kartun Rossem' pada hari Sabtu jam 2.30 petang.	Bertolak dari UiTM Machang ke Balai Kartun Rossem untuk sesi temubual bersama tokoh, Encik Rosidi Semail.

**Nota penting :** Pada mulanya, kami berdua telah menemu bual seorang tokoh seni dalam bidang tenunan songket. Pada ketika itu, temubual yang telah dijalankan pada 5 Januari 2023 bersama Hajjah Kelthom itu tidak menemui kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak UiTM, iaitu temubual selama 2 jam. Oleh itu, kami telah pergi melawat ke kotak seni di Kota Bharu, Kelantan dek kerana tokoh pada masa itu juga bertempat di situ. Kemudian, kami mendapatkan nombor telefon dari salah seorang tokoh seni di situ mengenai seorang kartunis antarabangsa.

# SENARAI SOALAN

## **Bahagian 1 : Latar Belakang**

1. Apakah nama penuh encik?
2. Berapakah umur encik sekarang
3. Apakah hobi encik pada masa lapang?
4. Apakah cita-cita encik sewaktu kecil?
5. Dimanakah encik dibesarkan?
6. Apakah nama ibu dan bapa encik?
7. Apakah pekerjaan ibu dan bapa encik?
8. Berapakah bilangan adik beradik encik?
9. Boleh encik ceritakan sedikit mengenai adik-beradik encik?
10. Berapakah bilangan anak encik?
11. Boleh encik ceritakan sedikit mengenai anak encik?

## **Bahagian 2 : Pendidikan**

1. Boleh encik kongsi tentang pendidikan encik?
2. Adakah diploma dalam bidang grafik itu aaa lebih kurang dengan bidang seni?
3. Bagaimanakah encik pergi kesekolah waktu dahulu? Adakah dengan berjalan kaki atau menaiki moto?
4. Adakah menanggung sendiri atau mendapat biasiswa ?
5. Apakah subjek yang diminati sewaktu disekolah?
6. Adakah encik pernah menyertai kelab seni sewaktu di sekolah?
7. Sewaktu itu adakah encik pernah menyertai mana-mana pertandingan sewaktu di sekolah seperti pertandingan mewarna?
8. Boleh encik ceritakan sedikit mengenai pengalaman encik di sekolah sama ada pengalaman pahit atau pengalaman manis?
9. Berapa minit dari rumah encik ke sekolah menengah kolej?
10. Pernahkah sewaktu di sekolah menengah encik menerima sebarang cabaran dalam kehidupan encik?

### **Bahagian 3 :Pekerjaan awal**

1. Apakah pekerjaan awal encik sebelum menjadi seorang pelukis
2. Boleh encik kongsi berapakah gaji encik sewaktu tahun 1970 hingga 1978 sebagai seorang polis?
3. Apakah pangkat encik sewaktu menjadi polis
4. Boleh saya tahu apakah cabaran dan kesusahan encik sebagai seorang penerbitan di Bukit Aman
5. Adakah perjalanan encik itu melalui bersama sama dengan organisasi polis atau menaiki kereta sendiri

### **Bahagian 4 : Pekerjaan Kartun**

1. Dari mana datangnya minat untuk menjadi seorang pelukis kartun?
2. Jadi encik memulakan bidang lukisan ini dengan komik?
3. Boleh encik kongsi pada tahun berapakah encik melibatkan diri dalam bidang lukisan secara sepenuhnya
4. Maknanya pekerjaan encik sebagai seorang pelukis ini sudah melebihi 30 tahun.
5. Pada awalnya siapakah yang memberi tunjuk ajar kepada encik untuk melukis kartun?
6. Pada masa itu, apakah kegemaran cerita kartun encik?
7. Siapakah yang memberi dorongan dan sokongan kepada encik untuk menceburi bidang kartun ini
8. Boleh saya tahu, siapakah idola encik dalam industri seni ini
9. sekiranya terdapat persamaan antara lukisan encik dengan orang lain, adakah encik disaman atau dikenakan sebarang denda?
10. Adakah melukis (Pak Rossem berdehem) melukis kartun ini mempunyai persatuan atau kelab?
11. Sebentar tadi encik ada ceritakan Mengenai balai kartun, balai kartun encik ini ditubuhkan pada tahun bila?
12. Adakah balai kartun ini persendirian atau sewa?
13. Berdasarkan buku yang encik tunjukkan tadi (sambil tunjuk ke buku), (pak rossem berdehem) saya melihat beberapa pelukis kartun ini berasal dari negeri Kelantan yang dimana dia

menunjukkan tulisan-tulisan itu adalah tulisan jawi. Adakah tulisan jawi ini bermula dari negeri Kelantan sendiri atau bagaimana?

14. Pernahkah encik mendapat tempahan besar dari mana-mana organisasi?
15. Berapakah keluasan potret yang dilukis yang paling terbesar sekali?
16. Berapakah kos yang diperuntukkan untuk menyiapkan potret tersebut?
17. Adakah encik pernah berkolaborasi dengan mana-mana individu atau persatuan lain untuk menyiapkan pesanan potret yang besar?
18. Boleh saya tahu berapa lamakah untuk menyiapkan potret sekiranya potret itu sebesar A3 tadi?
19. Jadi, adakah encik melakar dahulu diatas kertas A4?
20. Pernahkah encik menerima tajaan atau sponsor dari mana-mana pihak
21. Adakah encik pernah mengikuti mana-mana kursus melukis dengan seniman tersohor
22. Boleh saya tahu berdasarkan pertandingan yang encik sebutkan tadi, berapakah tempoh masa yang diperuntukkan untuk menyiapkan?
23. Encik, boleh saya tahu pada tahun berapakah encik jadi pengadil antarabangsa itu.
24. Berapakah sumbangan yang diberikan kepada encik sebagai seorang pengadil?

### **Bahagian 5 : Lukisan Kartun**

1. Baiklah, sekarang kita beralih pula kepada lukisan kartun, apakah keunikan bidang lukisan ini jika dibandingkan dengan bidang seni lain seperti mencanting batik ?
2. Sekiranya melukis kartun, bahagian manakah yang sukar untuk dilukis ?
3. Apakah jenis lukisan yang encik lukis ? Adakah seperti flora dan fauna atau sebaliknya pemandangan ke ?
4. Jadi, melukis ini mestilah mempunyai tujuan dan hasrat yang ingin disampaikan ?
5. Adakah encik masih lagi melihat cerita kartun di televisyen untuk mendapatkan idea ?
6. Apakah jenis buku yang encik baca untuk mendapatkan idea ? Adakah secara random atau sebaliknya ?
7. Bolehkan encik ceritakan tentang kesulitan dalam menghasilkan dalam sebuah lukisan ?
8. Sekiranya emosi terganggu, adakah encik teruskan lukisan itu ?
9. Apakah yang berlaku sekiranya lukisan itu tak sempat untuk diserahkan kepada editor, adakah diskualifikasi atau bagaimana ?

10. Apakah bahan-bahan yang perlu disediakan untuk menghasilkan bahan yang cantik dan kemas ?
11. Apakah brand ataupun jenama kegemaran encik untuk menghasilkan lukisan tersebut ?
12. Boleh encik nyatakan brand pen yang encik selalu gunakan ?
13. Berapakah bajet atau pun harga untuk pen tersebut ?

#### **Bahagian 6 : Anugerah dan Cabaran**

1. Seterusnya, bahagian anugerah dan cabaran, adakah encik pernah menyertai mana-mana pertandingan melukis antarabangsa?
2. Adakah encik masih aktif sehingga hari ini dalam melibatkan diri dalam pertandingan melukis antarabangsa tersebut?
3. Boleh encik nyatakan jenis hadiah yang encik peroleh daripada kemenangan tersebut, adakah berbentuk uang, ataupun sijil ataupun sebaliknya ?
4. Boleh encik nyatakan negara yang encik pernah pergi untuk pertandingan ini ?
5. Pernahkah encik menerima jemputan ke luar negara untuk menghakimi pertandingan melukis, maksudnya bukan secara online ?
6. Adakah kos yang pergi ke sana tu, kos sendiri ataupun ditaja ?
7. Adakah lukisan encik pernah dipamerkan di mana-mana muzium ?
8. Sekiranya tidak mematuhi syarat pertandingan, adakah didiskualifikasi ?
9. Pernahkah encik menerima permintaan lukisan daripada luar negara ?
10. Pada tahun berapakah permintaan lukisan tersebut ?
11. Apakah cabaran yang dihadapi encik sebagai kartunis yang popular ?
12. Bagaimana encik terus kekal bersikap positif terhadap persekitaran dan cabaran sebagai seorang kartunis yang berjaya ?
13. Baiklah mengenai sumbangan, adakah encik pernah berkhidmat untuk mana-mana muzium di Malaysia ?
14. Seperti yang encik ceritakan tadi, encik pernah bekerjasama dengan UMK, berapa tahunkah perkhidmatan encik dengan UMK itu ?
15. Adakah encik pernah berkongsi karya encik di pemasaran dunia, seperti "Non-fungible token" (Nft) ?
16. Apakah tema karya encik yang dikongsikan di platform itu ?

17. Boleh encik kongsi sedikit karya encik, sedikit karya tema encik?
18. Karya tema encik, seperti tradisional Melayu Kelantan, atau bagaimana ?
19. Boleh encik ceritakan sedikit mengenai tujuan tema yang encik kongsi?
20. Seperti yang dikongsi, saya melihat encik juga bukan seorang kartunis, tetapi juga mengeluarkan buku tentang kartun. Boleh saya tahu. Berapakah jumlah buku yang telah encik terbitkan, sepanjang perkhidmatan encik dalam bidang ini?
21. Apakah karya encik ataupun buku yang mendapat sambutan ramai ?
22. Pernahkah encik diwawancara oleh agensi televisyen ?
23. Adakah 'Pen, Dakwat dan Kertas' itu karya encik ?

### **Bahagian 7 : Harapan**

1. Baiklah, pada bahagian terakhir ini, iaitu harapan. Pada pendapat encik, perlukah lukisan kartun ini menjadi salah satu subjek di universiti ?
2. Apakah kriteria yang perlu ada dalam diri seseorang bagi membuat lukisan yang cantik ?
3. Adakah encik juga berharap anak-anak encik melibatkan diri dalam bidang ini ?
4. Siapakah yang bakal meneruskan legasi encik ini ?
5. Minat sahaja tidak mencukupi, ia perlu ada usaha untuk pandai, pernahkah encik terlintas untuk membuka kelas melukis untuk anak muda ?
6. Adakah encik sendiri yang mengajar ?
7. Berapakah bayaran yang dikenakan untuk kelas melukis ini ?
8. Adakah setiap sesi, ataupun setahun bagaimana ?
9. Pada zaman kini, kebanyakan anak muda juga meminati kartun, pada pendapat encik, bagaimanakah cara encik mempromosikan lukisan encik untuk menarik minat anak muda ?
10. Berapakah lingkungan umur untuk mempelajari lukisan ini ?
11. Jadi buku ini dihasilkan oleh encik sendiri atau ada kerjasama daripada orang lain ?
12. Apakah hasrat encik terhadap bidang lukisan kartun ini, supaya dapat dikekalkan, supaya tidak hilang ditelan zaman ?
13. Apakah harapan encik terhadap anak muda sekarang ?
14. Adakah encik mempunyai apa-apa pesanan untuk orang luar, untuk orang ramai ?

# SURAT PERJANJIAN



## UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya ..... **Rosidi Semail** ..... K/P:..... pada.....  
..... **7 Januari 2023** ..... dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Pengajian Sains Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh ( nterviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
  - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

.....  
.....  
(Nama tokoh **Rosidi Semail** )  
Tarikh: **7 Januari 2023**

.....  
.....  
(Nama Pensyarah: Nurulannisa Binti Abdullah)  
b.p. Penolong Naib Canselor  
Pengajian Sains Maklumat  
Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik  
dan Media  
Universiti Teknologi MARA (UiTM)

# SURAT PENGESAHAN DARI UITM

www.uitm.edu.my



Cawangan Kelantan  
Kampus Machang

Surat Kami : 100-CK(HEA 30/7/2)  
Tarikh : 5 Disember 2022

## KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan/Puan

### PENGESAHAN PROJEK PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN

Bil	Nama	No. Pelajar
1	NURSHAHIRAH BINTI MOHD NOR	2020495328
2	NUR AWATIF BINTI KAMARUDIN	2020898536

Adalah dimaklumkan bahawa penama di atas merupakan pelajar dari IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN SISTEM MAKLUMAT (KEPUJIAN) (IM245), bahagian (5) yang ditugaskan untuk menyiapkan satu laporan projek yang berkaitan dengan mata pelajaran yang mereka ikuti ORAL DOCUMENTATION (IMR604).

2. Pihak kami mengharapkan kerjasama dari pihak tuan/puan untuk menyumbangkan sebanyak mungkin maklumat yang diperlukan. Segala maklumat tersebut akan kami rahsiakan dan hanya untuk tujuan akademik sahaja. Penyediaan projek ini adalah wajib untuk melengkapkan kursus tersebut. Untuk maklumat lanjut, pihak tuan boleh menghubungi di talian 0179290854.

3. Pihak kami mengucapkan terima kasih di atas kerjasama dan maklumat diberikan.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Sekian, terima kasih.


Yang benar

**RUSLINDA RAZAK**  
Penolong Pendaftar Kanan  
b/p TIMBALAN REKTOR HEA

Bahagian Hal Ehwal Akademik  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan  
Bukit Ilmu, 18500 Machang, Kelantan  
Tel: (+09)976 2000 2162-2266 Faks: (+09)976 2156  
Email : trheaklne@uitm.edu.my







h





# INDEKS

## A

Arab 15  
Antarabangsa 6  
Abstrak 5, 6  
Akhbar 26  
Asas 28  
Animasi 61  
Agensi 86

## B

Balai 6, 34  
Bachok 15  
Bas 22  
Buletin 24  
Brand 48  
Bidang 86

## C

Cita-cita 16  
Cantuman 15  
Citarasa 28

## D

Diploma 20  
Dihadiri 15  
Dibesarkan 16  
Dinaiktaraf 20  
Drawing 48  
Dunia 86

## E

Editor 27  
Email 35  
Emosi 46, 84

## F

Fotografi 24  
Frame 38, 39

Facebook 42

## G

Galeri 15  
Grafik 19  
Guru 36  
Gajet 37

## H

Hobi 15  
Hari perasmian 15

## I

Interview 85  
Iban 85  
Income 32  
Identiti 33  
Indeks 36, 92  
Idea 36

## J

Jabatan 20  
Jalan 19  
Jawi 29, 37  
Jawatankuasa 34

## K

Kartun 34, 83  
Kartunis 25  
Komunis 25  
Khazanah 34  
Khaldun 12,  
Kemajuan 12,  
Kaki 19  
Kanak-kanak 19  
Kos 85

## L

Logika 12,  
Lisan 14,  
Lelaki 17  
Lima 17  
Lapan 17  
Layout 24

**M**  
Melukis 6,  
Matematik 18  
Machang 18  
Moto 19  
Majalah 25  
Mahir 6

**N**  
Nama 15  
Non-fungible Token 86

**O**  
Organisasi 25, 26  
Orang Melayu 36

**P**  
Peringat 6, 10, 14, 16, 17, 19  
Petani 17  
Pekebun 17  
Pelukis 6,  
Pendidikan 18  
Penerbitan 6,  
Politik 77  
Polis 6,  
Pedoman 12,  
Profesor 34  
Potret 39  
Pen 85

**Q—**

**R**

Relevan 28  
Romania 54

**S**  
Swasta 19,  
Sarawak 25  
Sarjan 24, 25  
Seni 12  
Sejarah 12  
Semail 16

**T**  
Timbalan 15  
Tepat 22  
Tradisional 86

**U**  
Utusan Malaysia 29  
Umk (Universiti Malaysia Kelantan) 41, 85,  
86

**V—**

**W**  
Wartawan 24, 26  
Warisan 12,  
Wawancara 12  
Wayang 27  
Wujud 34  
Watercolor 34  
War-warkan 42

**X—**

**Y**  
Yahya 36  
Yunus 41

**Z**  
Zul Haji Semail 16,

